

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya pada akhir tahun 2021, di samping dapat membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM1.332 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM72.17 juta berbanding RM1.260 bilion pada akhir tahun 2020.
- Pelaburan Am kekal pada RM916.37 juta seperti tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan sebanyak RM6.59 juta menjadi RM532.99 juta berbanding RM539.58 juta pada tahun 2020.
- Kutipan hasil meningkat sebanyak RM14.93 juta atau 1.5% menjadi RM0.998 bilion berbanding RM0.984 bilion pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya menurun sebanyak RM56.49 juta atau 5.3%, iaitu daripada RM1.062 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.005 bilion pada tahun 2021.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah Rancangan Pembangunan Perak (RPP) bagi tahun 2021 adalah baik, iaitu sejumlah RM343.07 juta atau 96% telah dibelanjakan berbanding RM357.41 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 1,151 projek telah dirancang yang mana 1,099 projek atau 95.5% telah disiapkan sepenuhnya, 33 projek atau

2.9% sedang dilaksanakan dan 19 projek atau 1.6% masih belum dimulakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM7.89 juta atau 4.1% daripada RM192.94 juta pada tahun 2020 kepada RM185.05 juta pada tahun 2021. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM5.77 juta atau 30.4% daripada RM18.98 juta pada tahun 2020 kepada RM24.75 juta pada tahun 2021.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM5.20 juta atau 3% menjadi RM170.15 juta berbanding RM175.35 juta pada tahun 2020. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM5.23 juta atau 18.3% menjadi RM33.74 juta berbanding RM28.51 juta pada tahun 2020.
- Tunggakan hasil meningkat sebanyak RM12.65 juta atau 9.9% kepada RM140.20 juta daripada RM127.55 juta pada tahun 2020.
- Kerajaan negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Penguatkuasaan kutipan hasil jualan air bagi penggunaan air laut ke atas syarikat berkaitan dipertingkatkan bagi mengatasi kekurangan kutipan hasil Kerajaan negeri.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA		
PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2021 – RM998.46 Juta	2021 – RM532.99 Juta	2021 – RM185.05 Juta
2020 – RM983.53 Juta	2020 – RM539.58 Juta	2020 – RM192.94 Juta
↓ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↑ PELABURAN
2021 – RM1.005 Bilion	2021 – RM0	2021 – RM91.99 Juta
2020 – RM1.097 Bilion	2020 – RM0	2020 – RM91.79 Juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2021 – RM798.74 Juta	2021 – RM170.15 Juta
	2020 – RM719.98 Juta	2020 – RM175.35 Juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Tahun 2021, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2021, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM998.46 juta, terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1.005 bilion. Keadaan ini menyebabkan **Kerajaan negeri mengalami**

kurangan sebanyak RM6.66 juta bagi membiayai perbelanjaannya.

Bagaimanapun kekurangan tersebut ditampung dengan Pelbagai Terimaan Modal dan Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Butiran Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil:				
Hasil Cukai	468.16	432.88	35.28	8.2
Hasil Bukan Cukai	318.62	343.22	(24.60)	(7.2)
Terimaan Bukan Hasil	211.68	207.43	4.25	2.0
JUMLAH HASIL	998.46	983.53	14.93	1.5
(-) Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	662.05	707.54	(45.49)	(6.4)
Perbelanjaan Pembangunan	343.07	389.54	(46.47)	(11.9)
JUMLAH PERBELANJAAN	1,005.12	1,097.08	(91.96)	(8.4)
Lebihan/Defisit	(6.66)	(113.55)	106.89	(94.1)
LEBIHAN BAGI MEMBIAYAI:				
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	29.65	36.18	(6.53)	(18.0)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(22.99)	77.37	(100.36)	(129.7)
JUMLAH PEMBIAYAAN	6.66	113.55	(106.89)	(94.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – Perbelanjaan pembangunan sejumlah RM343.07 juta terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM343 juta dan lain-lain terimaan Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM0.07 juta

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah RM1.332 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM415.36 juta dan pelaburan sejumlah RM916.37 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Perak pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	532.99	539.58	(6.59)	(1.2)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	798.74	719.98	78.76	10.9
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	347.18	358.38	(11.2)	(3.1)
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(18.99)	(48.56)	29.57	(60.9)
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	298.47	264.26	34.21	12.9
	iv) Deposit	172.08	145.90	26.18	17.9
JUMLAH		1,331.73	1,259.56	72.17	5.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


4.2. Analisis Audit mendapati **Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri telah meningkat sebanyak RM72.17 juta** (5.7%), iaitu daripada RM1.260 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.332 bilion pada tahun 2021. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan Kumpulan Wang Disatukan adalah peningkatan baki dalam Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM78.76 juta yang lebih besar berbanding penurunan baki dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM6.59 juta. Trend kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**. Kedudukan baki bagi tahun 2021 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	602.53	612.45	617.59	539.58	532.99
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	442.13	464.16	662.75	719.98	798.74
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	274.28	279.54	319.77	358.38	347.18
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(136.58)	(96.39)	(49.20)	(48.56)	(18.99)
	ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	186.06	144.27	236.25	264.26	298.47
	iii) Deposit	118.37	136.74	155.93	145.90	172.08
JUMLAH		1,044.66	1,076.61	1,280.34	1,259.56	1,331.73

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada 108 Panjar Wang Runcit dan 13 Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan baki Wang Tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM72.18 juta atau 21.0% menjadi RM415.36 juta pada akhir tahun 2021 berbanding RM343.18 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, baki Wang Tunai Dalam Bank sejumlah RM414.63 juta telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM72.17 juta atau 21.1% berbanding RM342.46 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan sekatan peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan tahun 2021. Baki Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.73 juta pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.01 juta berbanding RM0.72 juta pada tahun 2020. Analisis perbandingan baki wang tunai bagi tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	414.63	342.46	72.17	21.1
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.73	0.72	0.01	1.4
JUMLAH		415.36	343.18	72.18	21.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan untuk melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2021, Pelaburan Kerajaan negeri terdiri daripada pegangan Saham dan Deposit Dalam Negeri yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.2.2. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2021 adalah sama seperti tahun 2020 iaitu RM916.37 juta seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	34.77	34.77	0.00	0.0
2.	Deposit Dalam Negeri	881.60	881.60	0.00	0.0
JUMLAH		916.37	916.37	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2.3. Pada tahun 2021, keseluruhan pulangan daripada pelaburan Saham dan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM28.61 juta. Dividen yang diterima daripada pelaburan saham berjumlah RM3.33 juta, iaitu menurun sebanyak RM0.19 juta atau 5.4% berbanding RM3.52 juta pada tahun 2020. Faedah dan hibah yang diterima daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri adalah RM25.28 juta, iaitu menurun sebanyak RM11.83 juta atau 31.9% berbanding RM37.11 juta pada tahun 2020. Analisis pulangan pelaburan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PULANGAN PELABURAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	3.33	3.52	(0.19)	(5.4)
2.	Deposit Dalam Negeri	25.28	37.11	(11.83)	(31.9)
JUMLAH		28.61	40.63	(12.02)	(29.6)
1.	Keuntungan Jualan Saham	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH KESELURUHAN		28.61	40.63	(12.02)	(29.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

- a. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.
- b. **Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan kurangan berjumlah RM6.59 juta berbanding kurangan RM78.01 juta pada tahun 2020.** Kurangan ini berpunca daripada kutipan hasil berjumlah RM998.46 juta berbanding perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri yang berjumlah RM1.005 bilion. Oleh itu, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah menurun menjadi RM532.99 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	539.58	617.59	(78.01)	(12.6)
Hasil	998.46	983.53	14.93	1.5
Perbelanjaan Mengurus	1,005.05	1,061.54	(56.49)	(5.3)
Lebihan/(Kurangan)	(6.59)	(78.01)	71.42	(91.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	532.99	539.58	(6.59)	(1.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Analisis perbandingan bagi tahun 2017 hingga 2021 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend meningkat mulai dari tahun 2017 hingga 2019 tetapi menurun pada tahun 2020 dan 2021. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM617.59 juta pada tahun 2019 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima


tahun. Kedudukan baki Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	598.86	602.53	612.45	617.59	539.58
Hasil	1,070.33	1,069.16	1,094.89	983.53	998.46
Perbelanjaan Mengurus	1,066.66	1,059.24	1,089.75	1,061.54	1,005.05
Lebihan/(Kurangan)	3.67	9.92	5.14	(78.01)	(6.59)
BAKI PADA 31 DISEMBER	602.53	612.45	617.59	539.58	532.99

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 2
KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.1. Hasil

6.1.1. Kerajaan negeri memungut tiga jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2021, kutipan hasil sebenar RM998.46 juta, meningkat sebanyak RM76.47 juta (8.3%) berbanding anggaran hasil RM921.99 juta. Pencapaian kutipan bagi Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2021 adalah cekap, iaitu kutipan sebenar melebihi anggaran hasil masing-masing pada kadar 37.4% dan 15.7%. Bagaimanapun pencapaian kutipan sebenar bagi Hasil Cukai adalah kurang 7.7% daripada anggaran hasil yang ditetapkan. Maklumat lanjut mengenai kutipan hasil negeri adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2021
BERBANDING ANGGARAN HASIL YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	LEBIHAN/ (PENGURANGAN)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	507.20	468.16	(39.04)	(7.7)
2.	Hasil Bukan Cukai	231.81	318.62	86.81	37.4
3.	Terimaan Bukan Hasil	182.98	211.68	28.70	15.7
JUMLAH		921.99	998.46	76.47	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.1.2. Secara keseluruhannya, **hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah berjumlah RM998.46 juta, iaitu meningkat sebanyak RM14.93 juta** atau 1.5% berbanding RM983.53 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan Hasil Cukai meningkat sebanyak RM35.28 juta yang berpunca daripada peningkatan Cukai Tanah Semasa/Berulang sebanyak RM11.31 juta (4%) kepada RM294.36 juta (2021) berbanding RM283.05 juta (2020). Jumlah kutipan hasil mengikut kategori pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	468.16	432.88	35.28	8.2
2.	Hasil Bukan Cukai	318.62	343.22	(24.60)	(7.2)
3.	Terimaan Bukan Hasil	211.68	207.43	4.25	2.0
JUMLAH		998.46	983.53	14.93	1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


6.1.3. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2018 dan 2020. Tahun 2019 mencatatkan kutipan hasil tertinggi bagi tempoh lima tahun seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 3**.

JADUAL 11
PRESTASI KUTIPAN HASIL
KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	479.56	434.66	472.11	432.88	468.16
2.	Hasil Bukan Cukai	405.63	420.84	412.67	343.22	318.62
3.	Terimaan Bukan Hasil	185.14	213.66	210.11	207.43	211.68
JUMLAH		1,070.33	1,069.16	1,094.89	983.53	998.46

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 3
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.1.4. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri ialah Cukai Tanah, Perolehan daripada Jualan Barang-Barang, Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain, Royalti serta Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan. Semua hasil ini menyumbang sejumlah RM814.20 juta atau 81.5% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2021 berjumlah RM998.46 juta. Secara perbandingan, lima hasil tersebut turut menyumbang sejumlah RM802.10 atau 81.6% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2020 berjumlah 983.53 juta.

6.1.5. Pada tahun 2021, hasil Cukai Tanah menyumbang sebanyak RM339.49 juta (34.0%) daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri. Manakala penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah Perolehan daripada Jualan Barang-Barang dan Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain dengan masing-masing sebanyak RM165.38 juta (16.6%) dan RM146.04 juta (14.6%). Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 12**. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun dari tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021		2020	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	339.49	34.0	317.38	32.3
2.	Perolehan daripada Jualan Barang-Barang	165.38	16.6	180.33	18.3
3.	Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain	146.04	14.6	164.76	16.7
4.	Royalti	113.68	11.4	94.01	9.6
5.	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	49.61	5.0	45.62	4.6
JUMLAH		814.20	81.5	802.10	81.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 13
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	305.73	298.28	323.00	317.38	339.49
2.	Perolehan daripada Jualan Barang-Barang	203.25	243.09	232.19	180.32	165.38
3.	Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain	145.34	195.46	163.61	164.76	146.04
4.	Royalti	138.89	99.75	103.74	94.01	113.68
5.	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	68.29	50.61	51.60	45.62	49.61
JUMLAH		861.50	887.19	874.14	802.09	814.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.1.6. Analisis Audit mendapati 72 butiran hasil mengalami peningkatan sebanyak RM96.68 juta dan 96 butiran hasil mengalami penurunan sebanyak RM81.74 juta. Justifikasi bagi lima butiran hasil yang mencatat peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Jadual 15**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL
YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Terimaan dari Jabatan/Agensi Kerajaan	46.15	30.00	16.15	53.8	Peningkatan sebanyak RM16.15 juta adalah disebabkan oleh sumbangan daripada lima BBN dan satu daripada syarikat GLC sejumlah RM46.15 juta seperti berikut: i. Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak - RM16 juta ii. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak - RM5 juta iii. Perbadanan Menteri Besar - RM3 juta iv. Lembaga Air Perak - RM20 juta v. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak - RM2 juta vi. Digital Perak Corporation Holdings - RM15 ribu
2.	Royalti Perlombongan	73.49	59.79	13.70	22.9	Peningkatan sebanyak RM13.70 juta disebabkan penguatkuasaan pengenaan caj eksport untuk bahan mineral, produk lombong dan <i>semi-product</i> yang dieksport ke luar negara. Pengambilan langkah-langkah dalam menyegerakan kelulusan eksport iaitu penurunan kuasa dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN) ke Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG).
3.	Cukai Tanah Semasa/ Berulang	294.36	283.05	11.31	4.0	Peningkatan sebanyak RM11.31 juta adalah disebabkan beberapa perkara seperti berikut: i. Pengecualian denda lewat cukai tanah bagi semua hakmilik di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE); ii. Pertambahan pendaftaran hakmilik baru pada tahun 2021; dan iii. Pembukaan sektor ekonomi akibat Covid-19 telah mula beroperasi.
4.	Lebih dari Penutupan Akaun Amanah	10.21	0.00	10.21	100	Peningkatan adalah disebabkan penutupan tiga Akaun Amanah sebanyak RM10.21 juta seperti berikut: i. Akaun Amanah Sukma XIX 2018 sejumlah RM9.39 juta; ii. Akaun Amanah Masjid Toh Puan Hatijah, Batu Gajah sejumlah RM0.02 juta; dan

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
						iii. Akaun Amanah Infrastruktur Pembangunan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Projek Landasan Berkembar Elektrik Negeri Perak sejumlah RM0.8 juta
5.	Tunggakan Cukai Tanah	33.94	25.40	8.54	33.6	Peningkatan sebanyak RM8.54 juta disebabkan oleh pemberian diskaun tunggakan cukai tanah 50% pada bulan September, 30% pada bulan Oktober serta 10% pada bulan November dan Disember. Pentadbiran juga menjalankan OPS VAPS (Visit Advise Pay) bagi hakmilik yang mempunyai tunggakan dan membuat konsultansi dengan syarikat atau individu yang mempunyai jumlah tunggakan besar.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL
YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Pertambahan Hasil	0.00	10.57	(10.57)	(100)	Pemberian Pertambahan Hasil adalah tertakluk di bawah Akta Pemberian pertambahan Hasil 1977 dan Akta Pertambahan Hasil (Pindaan) 1990. Pemberian ini berasaskan prinsip <i>revenue sharing</i> iaitu apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan di dalam sesuatu tahun kewangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, negeri-negeri akan mendapat pemberian ini. Penurunan sebanyak RM10.57 juta adalah disebabkan Kerajaan Persekutuan tidak menyalurkan pemberian pertambahan hasil pada tahun 2021.
2.	Hasil dan Faedah Dari Pelaburan dalam Bank Islam Berhad	0.85	18.43	(17.58)	(95.4)	Penurunan sebanyak RM17.58 juta disebabkan pengeluaran pelaburan dari Bank Islam Berhad mulai bulan Mac 2021 kerana kadar keuntungan yang ditawarkan adalah lebih rendah iaitu di antara 2.15% hingga 2.30% berbanding bank lain seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Agro Bank dan Amanah Raya yang menawarkan kadar keuntungan yang tinggi iaitu di antara 2.35% ke 3.95%.
3.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	2.24	8.35	(6.11)	(73.2)	Penurunan sebanyak RM6.11 juta adalah disebabkan bayaran balik hasil di bawah AP 87(b) berjumlah RM7.88 juta melibatkan tuntutan hasil kutipan penyewaan Kompleks Rumah Sembelih Ipoh kepada Pejabat Kewangan Negeri (PKN). Pada tahun 2021, kutipan ini masih aktif secara rutin dan telah direkodkan di bawah kutipan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah koding 74299 dengan jumlah keseluruhan RM0.11 juta.
4.	Pemberian Bagi Projek Persekutuan yang Dilaksanakan oleh Negeri	23.15	29.66	(6.51)	(21.9)	Penurunan sebanyak RM6.51 juta adalah disebabkan MOF tidak menyalurkan pemberian kepada Kerajaan Negeri kerana MOF tidak dapat mengenalpasti projek Persekutuan yang dilaksanakan oleh Negeri.
5.	Premium Bagi Geran	124.27	136.56	(12.29)	(9.0)	Penurunan sebanyak RM12.29 juta disebabkan faktor penularan kes covid-19 di seluruh negara dan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan pergerakan pegawai bagi menjalankan urusan siasatan tidak dapat dilaksanakan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.1.7. Kadar Caj Penggunaan Air Tanah

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 1916 pada 16 Oktober 2017 telah memutuskan seperti berikut:
 - i. penetapan bayaran ex-gratia dengan kadar RM0.05 sen per meter padu mulai 1 Januari 2011 ke atas syarikat-syarikat dan kilang-kilang yang beroperasi di Negeri Perak yang didapati menggunakan sumber air bagi tujuan komersial tanpa lesen di bawah Akta Air 1920 (Akta 418);
 - ii. jumlah anggaran penggunaan air yang diberikan oleh syarikat-syarikat dan kilang-kilang terbabit hendaklah disahkan oleh Pegawai Daerah sebelum bayaran ex-gratia dikenakan;
 - iii. Pegawai Daerah hendaklah memastikan bahawa semua syarikat dan kilang yang dikenakan bayaran ex-gratia berkenaan mendapatkan lesen di bawah Akta Air 1920 (Akta 418) dan memasang meter bagi membolehkan caj penggunaan air dan lain-lain fi berkaitan dikenakan selaras dengan akta ini;
 - iv. penetapan bayaran ex-gratia ini boleh dibaca secara bersama atau berasingan, mana yang bersesuaian, dengan keputusan MMK Bil. 1887 yang telah bersidang pada 1 Februari 2017 melalui kertas Bil.209/01/02/2017; dan
 - v. Pihak Berkuasa Negeri berhak meminda tempoh dan kadar caj bayaran ex-gratia ini pada bila-bila masa dan keadaan yang sesuai demi kepentingan hasil Kerajaan negeri.
- b. MMK Bil. 1887 pada 1 Februari 2017 telah memutuskan seperti berikut:
 - i. meluluskan perakuan Pegawai Kewangan Negeri bagi penetapan bayaran ex-gratia ke atas syarikat-syarikat dan kilang-kilang yang beroperasi di Negeri Perak yang menggunakan sumber air bagi tujuan komersial tanpa lesen di bawah Akta Air 1920 (Akta 418) bagi tempoh 6 tahun mulai 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2016;
 - ii. bayaran ex-gratia dikenakan pada kadar RM0.05 sen per meter padu berdasarkan perakuan jumlah bacaan penggunaan air yang disahkan oleh Pegawai Daerah; dan
 - iii. Pegawai Daerah hendaklah memastikan bahawa semua syarikat dan kilang yang dikenakan bayaran ex-gratia berkenaan selepas ini mendapatkan lesen di bawah Akta Air 1920 (Akta 418) bagi membolehkan caj air dan lain-lain fi berkaitan dikenakan selaras dengan Akta ini.

- c. Perenggan 2 Warta Kerajaan bertarikh 27 Mei 2010 berkaitan Akta Air 1920 Pk. P.U. 15 menetapkan kadar caj air bagi tujuan penggunaan komersial atau industri ialah sebanyak RM0.11 bagi setiap meter padu.
- d. Semakan Audit terhadap Jualan Air Tanah bagi tiga PDT Larut Matang dan Selama, Pengkalan Hulu serta Hilir Perak mendapati sebanyak **tiga syarikat bernombor pendaftaran 1201 – H, 567813 – H dan 235682 – H di Pengkalan Hulu dan tujuh kilang di Larut Matang dan Selama masih beroperasi tanpa lesen sejak tahun 1928 hingga tahun 2022**. Pihak Audit mendapati syarikat dan kilang terbabit masih mengguna pakai kaedah bayaran ex-gratia pada kadar antara RM0.01 hingga RM0.05 walaupun tempoh beroperasi telah melebihi enam tahun. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tindakan oleh Pegawai Daerah dalam memastikan syarikat dan kilang yang dikenakan bayaran ex-gratia telah mendapatkan lesen abstraksi air tanah bagi membolehkan caj air dan lain-lain fi berkaitan dikenakan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
KADAR CAJ PENGGUNAAN AIR TANAH

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	TAHUN MULA OPERASI	KADAR CAJ AIR DIBAYAR (RM/m ³)	KADAR CAJ AIR DALAM WARTA KERAJAAN (RM/m ³)	KURANGAN KADAR (RM/m ³)	PEJABAT DAERAH DAN TANAH
1.	1201 - H	1928	0.01	0.11	(0.10)	Pejabat Daerah dan Tanah Pengkalan Hulu
2.	567813 - H	2008	0.03	0.11	(0.08)	
3.	235682 - H	2008	0.03	0.11	(0.08)	
4.	131388 - V	2011	0.05	0.11	(0.06)	Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama
5.	0850345 - V	2012	0.05	0.11	(0.06)	
6.	260990 - U	2013 & 2021	0.05	0.11	(0.06)	
7.	340708 - K	2011	0.05	0.11	(0.06)	
8.	28981 - H	2011	0.05	0.11	(0.06)	
9.	15043 - V	2017 & 2021	0.05	0.11	(0.06)	
10.	5316 - X	2011	0.05	0.11	(0.06)	

Sumber: Kadar Caj Penggunaan Air di PDT Pengkalan Hulu dan PDT Larut Matang dan Selama

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 18 Mei dan 10 Jun 2022

Pegawai Kewangan Negeri (PKN) bersetuju terdapat kelemahan dari pihak PDT untuk menetapkan kaedah pengeluaran lesen dan kenaikan caj. Pada 9 Mac 2022, MMK telah meluluskan Rang Undang-Undang Sumber Air Negeri dan telah diwartakan pada 14 Mac 2022. Rang Undang-Undang ini akan dibentangkan pada Sidang Dewan

Undangan Negeri (DUN) pada bulan Julai 2022. Melalui penguatkuasaan RUU tersebut satu badan khusus yang mengawal selia pengurusan air mentah akan diwujudkan untuk membantu menyelesaikan isu ketidakseragaman caj.

6.1.8. Bayaran Penggunaan Air Laut Mengikut Kadar Lama

- a. Berdasarkan Warta Kerajaan bertarikh 15 Disember 2018, kenaikan kadar adalah RM0.015 setiap m³ bagi penggunaan air laut ke atas tiga syarikat jana kuasa elektrik. Penggunaan air laut adalah untuk keperluan penyejukan mesin di stesen jana kuasa tenaga elektrik.
- b. Pihak Audit mendapati jumlah penggunaan air laut yang dibayar oleh tiga syarikat janakuasa sejumlah RM18.28 juta bagi tahun 2021, RM18.56 juta bagi tahun 2020 dan RM18.98 juta bagi tahun 2019 adalah mengikut kadar lama iaitu RM0.01 per m³. Jumlah mengikut kadar baru iaitu RM0.015 per m³ yang sepatutnya dibayar oleh tiga syarikat tersebut pada tahun 2021 adalah sejumlah RM27.42 juta, sejumlah RM27.84 juta pada tahun 2020 dan sejumlah RM28.47 juta pada tahun 2019. **Syarikat telah berkurang bayar RM9.28 juta (2021), RM9.28 juta (2020) dan RM9.49 juta (2019).** Kurangan ini telah diambil kira dalam Akaun Belum Terima pada tahun 2021 oleh PDT Manjung. Sehingga 31 Disember 2021, tunggakan hasil jualan air laut berjumlah RM27.91 juta. Maklumat terperinci berkaitan kadar penggunaan air laut yang berkurang bayar adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
BAYARAN PENGGUNAAN AIR LAUT

BIL	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	ANGGARAN PENGGUNAAN AIR (M ³)	KADAR YANG DIKUTIP (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM Juta)	KADAR YANG DILULUSKAN (RM)	JUMLAH KUTIPAN YANG SEPATUTNYA (RM Juta)	KURANGAN HASIL (RM Juta)
2021							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	8,136,288	0.01	0.08	0.015	0.12	0.04
3.	1056130-H	320,159,385	0.01	3.20	0.015	4.80	1.60
JUMLAH				18.28		27.42	9.14
2020							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	81,362,880	0.01	0.81	0.015	1.22	0.41
3.	1056130-H	274,996,118	0.01	2.75	0.015	4.12	1.37
JUMLAH				18.56		27.84	9.28
2019							
1.	398456-H	1,500,000,000	0.01	15.00	0.015	22.50	7.50
2.	248091-X	89,499,168	0.01	0.89	0.015	1.34	0.45

BIL	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	ANGGARAN PENGGUNAAN AIR (M ³)	KADAR YANG DIKUTIP (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM Juta)	KADAR YANG DILULUSKAN (RM)	JUMLAH KUTIPAN YANG SEPATUTNYA (RM Juta)	KURANGAN HASIL (RM Juta)
3.	1056130-H	308,859,600	0.01	3.09	0.015	4.63	1.54
JUMLAH				18.98		28.47	9.49
JUMLAH KESELURUHAN TUNGGAKAN HASIL JUALAN AIR LAUT TAHUN 2021, 2020 DAN 2019							27.91

Sumber: Surat Maklum Balas daripada PDT Manjung

- c. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Meningkatkan Hasil Negeri Dan Mengutip Tunggakan Hasil Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 6 Mac 2020 yang dipengerusikan oleh YB. Pegawai Kewangan Negeri Perak mendapati mesyuarat telah bersetuju bayaran caj penggunaan air laut dibuat pada kadar RM0.01 per m³ dan baki RM0.005 per m³ dianggap sebagai tunggakan yang perlu dijelaskan oleh ketiga-tiga syarikat tersebut.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak PDT Manjung telah mengeluarkan surat peringatan pertama melalui surat rujukan Bil.(77)PT.MJG.400/18-1 bertarikh 20 Ogos 2021 kepada ketiga-tiga syarikat untuk membuat pembayaran pada kadar RM0.015 per m³. Bagaimanapun, **ketiga-tiga syarikat masih membuat pembayaran dengan menggunakan kadar lama. Baki tunggakan bagi tahun 2019 dan 2020 yang masih belum dijelaskan serta bayaran penggunaan air laut tahun 2021 terkurang bayar adalah sejumlah RM27.91 juta.**

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 18 Mei 2022

Pada 21 dan 23 September 2021, PKN telah membuat sesi perbincangan bersama tiga syarikat terbabit. Sebanyak dua syarikat telah mengemukakan surat pada 12 November 2021 dan satu syarikat melalui surat bertarikh 16 November 2021 memaklumkan status perbincangan berkaitan caj air laut dan masih menunggu kelulusan yang memerlukan persetujuan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri, Suruhanjaya Tenaga dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) serta penilaian impak kadar kenaikan tarif elektrik kepada rakyat.

Kerajaan Negeri Perak telah mengambil inisiatif menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja antara Kerajaan Negeri Perak dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk memantau isu-isu berbangkit yang melibatkan Kerajaan Negeri Perak dengan TNB termasuk isu berkaitan tunggakan hasil jualan air laut dari tahun 2019 sehingga 2021.

6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Emolumen; Perkhidmatan dan Bekalan; Aset; Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; serta Perbelanjaan Lain. **Peruntukan yang diluluskan oleh DUN bagi perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM1.105 bilion. Jumlah ini menunjukkan penurunan berbanding tahun 2020 yang diluluskan sebanyak RM1.163 bilion.** Kedudukan peruntukan mengurus yang diluluskan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERUNTUKAN MENGURUS YANG
DILULUSKAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	358.03	380.87	(22.84)	(6.0)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	235.30	259.10	(23.80)	(9.2)
3.	Aset	6.62	12.18	(5.56)	(45.6)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	496.98	503.60	(6.62)	(1.3)
5.	Perbelanjaan Lain	7.70	7.10	0.60	8.5
JUMLAH		1,104.63	1,162.85	(58.22)	(5.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.2. Analisis Audit mendapati empat peruntukan mengurus pada tahun 2021 mencatatkan penurunan berbanding tahun 2020. Penurunan peruntukan mengurus ini terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset serta Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap masing-masing sejumlah RM22.84 juta, RM23.80 juta, RM5.56 juta dan RM6.62 juta. Hanya peruntukan bagi Perbelanjaan Lain sahaja mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2020 iaitu sejumlah RM0.60 juta. Justifikasi bagi peningkatan dan penurunan peruntukan mengurus pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN
PERUNTUKAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	358.03	380.87	(22.84)	(6.0)	Penurunan perbelanjaan adalah disebabkan perkara berikut: i. pada tahun 2021, Kerajaan Negeri Perak tidak dapat mencapai sasaran anggaran hasil sebanyak 11%. Berikutan daripada itu, MMK Bil. 2041 bertarikh 8 September 2021 telah memutuskan arahan sekatan perbelanjaan dibuat melalui waran sekatan di mana jabatan dihadkan berbelanja dengan siling baru selepas sekatan tersebut; dan ii. pelaksanaan PKP juga menyebabkan operasi tidak berjalan dengan lancar menjadi faktor keputusan pengurangan peruntukan.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	235.30	259.10	(23.80)	(9.2)	
3.	Aset	6.62	12.18	(5.56)	(45.6)	
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	496.98	503.60	(6.62)	(1.3)	
5.	Perbelanjaan Lain	7.70	7.10	0.60	8.5	Peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan pembayaran berikut: i. bayaran balik kepada Lembaga Air Perak (LAP) berjumlah RM4.89 juta; ii. bayaran balik hasil RM1.76 juta; dan iii. lain-lain bayaran termasuk bayaran komisen bank RM1.06 juta.
JUMLAH		1,104.63	1,162.85	(58.22)	(5.0)	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.3. Analisis Audit juga mendapati RM1.005 bilion atau 91% telah dibelanjakan daripada RM1.105 bilion peruntukan yang diluluskan pada tahun 2021. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUBAHAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)
1.	Emolumen	358.03	341.04	16.99	95.3
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	235.30	218.71	16.59	92.9
3.	Aset	6.62	6.21	0.41	93.8
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	95.40	90.43	4.97	94.8
5.	Perbelanjaan Lain	7.70	5.66	2.04	73.5
6.	Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	401.58	343.00	63.55	85.4
JUMLAH		1,104.63	1,005.05	99.58	91.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.2.4. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya menurun sebanyak RM56.49 juta atau 5.3% iaitu daripada RM1.062 bilion pada tahun 2020 menjadi RM1.005 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan ini termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan iaitu RM343 juta. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 mengikut butiran perbelanjaan mengurus adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	341.04	359.63	(18.59)	(5.2)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	218.71	224.00	(5.29)	(2.4)
3.	Aset	6.21	11.61	(5.40)	(46.5)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	90.43	108.22	(17.79)	(16.4)
5.	Perbelanjaan Lain	5.66	4.08	1.58	38.7
6.	Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	343.00	354.00	(11.00)	(3.1)
JUMLAH		1,005.05	1,061.54	(56.49)	(5.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.5. Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2021 berbanding perbelanjaan tahun 2020. Justifikasi bagi perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 22** dan **Jadual 23**.

JADUAL 22
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	64.18	55.80	8.38	15.0	Garis panduan bagi kerja-kerja pembaikan telah dipinda bagi memudahkan kaedah perolehan semasa pandemik Covid-19. Kerja-kerja penyelenggaraan dan ubah suai lebih banyak dapat dilaksanakan pada tahun 2021. Ini menyebabkan perbelanjaan di bawah Kod 28000 telah meningkat
2.	Pulangan Balik dan Hapuskira	5.63	3.65	1.98	54.2	Peningkatan permohonan pulangan balik hasil yang telah diwartakan daripada syarikat-syarikat: i. pulangan balik hasil berkaitan perhutanan sejumlah RM126,928; ii. pulangan balik hasil berkaitan tanah sejumlah RM134,462; dan iii. pulangan balik hasil bahan batu sejumlah RM44,040. Bayaran balik anuiti pinjaman kepada LAP sejumlah RM4.88 juta berdasarkan keputusan MMK.
3.	Faedah-faedah Kewangan yang Lain	7.71	6.09	1.62	26.6	Peningkatan pembayaran komisen bank bagi pelbagai pembayaran hasil melalui <i>online</i> .
4.	Sewaan	4.81	4.22	0.59	14.0	Peningkatan disebabkan inisiatif baru Kerajaan negeri menggunakan kaedah sewaan bagi komputer dan komputer riba mulai tahun 2021
5.	Tuntutan Insuran dan Pampasan	0.25	0.07	0.18	257.1	Peningkatan disebabkan pembayaran yang melibatkan perkara-perkara berikut: i. bayaran pampasan Ex-gratia sejumlah RM124,789; dan ii. bayaran perintah mahkamah sejumlah RM115,100.
JUMLAH		82.58	69.83	12.75	18.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 23
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dalam Negeri	412.75	440.87	(28.12)	(6.4)	Peruntukan pembiayaan operasi LPHP sejumlah RM6 juta dan Perbadanan Taman Negeri Perak sejumlah RM3.5 juta dipindahkan ke Vot P.08.
2.	Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	98.17	107.93	(9.76)	(9.0)	Sekatan perbelanjaan yang dilaksanakan berdasarkan keputusan MMK Bilangan 2041 bertarikh 8 September 2021.
3.	Kenderaan dan Jentera	1.92	4.92	(3.00)	(61.0)	Pada tahun 2020, keperluan perolehan kenderaan di jabatan adalah lebih tinggi berbanding tahun 2021. Ini menyebabkan peruntukan lebih tinggi pada tahun 2020 iaitu berjumlah RM5 juta berbanding RM2 juta pada tahun 2021.
4.	Aset Tidak Ketara	0.03	1.53	(1.50)	(98.0)	Pada tahun 2021, perolehan perisian komputer tidak menggunakan kod 39000 ini disebabkan perbelanjaan menggunakan kod 29000. Perkara ini tiada ketetapan penggunaan kod 39000.
5.	Perhubungan dan Utiliti	26.75	27.68	(0.93)	(3.4)	Pelaksanaan kaedah Bekerja Dari Rumah dan penggiliran kerja yang dilaksanakan di jabatan semasa pandemik Covid-19.
JUMLAH		539.62	582.93	(43.31)	(7.4)	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.2.6. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) menetapkan bahawa kebenaran khas daripada Pejabat Kewangan Negeri adalah diperlukan bagi membayar arahan pembayaran perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun semasa berkaitan dengan pertanggungan yang kena bayar pada tahun sebelumnya. Permohonan itu hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat jabatan/pejabat mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun bekalan/perkhidmatan tersebut diterima tanpa sebarang keraguan sebab berlakunya kelewatan.
- b. Semakan Audit mendapati pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 berjumlah RM1.18 juta melibatkan 535 arahan pembayaran di 71 Jabatan. Pembayaran pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM0.28 juta atau 30.9% berbanding RM0.90 juta pada tahun 2020 yang melibatkan 751 arahan pembayaran di 50 Jabatan. Pembayaran ini melibatkan bil yang diterima bagi tempoh bulan November hingga Disember 2020. Daripada 71 jabatan yang terlibat, 16 Jabatan menunjukkan peningkatan bayaran, 30 jabatan membuat pembayaran di bawah AP 58(a) mulai tahun 2021 dan 25 jabatan menunjukkan penurunan bayaran. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021		2020		PERUBAHAN	
		BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	(RM)	(%)
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak	10	472,331	10	9,846	462,485	4,697.2
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Larut, Matang dan Selama	11	31,446	1	700	30,746	4,392.3
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Ipoh	5	4,362	2	115	4,247	3,693.0
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama, Taiping	2	39,508	4	1,569	37,939	2,418.0
5.	Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	5	4,725	1	219	4,506	2,057.5
6.	Pejabat Pertanian Daerah Manjung	7	43,064	1	2,503	40,561	1,620.5
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Kerian	6	3,959	2	340	3,619	1,064.4
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Muallim	17	3,969	3	382	3,587	939.0
9.	Jabatan Perhutanan Negeri Perak	1	11,350	1	1,573	9,777	621.6
10.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta	24	44,975	23	7,344	37,631	512.4
11.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Gerik	9	6,033	3	1,839	4,194	228.1
12.	Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	12	3,387	9	1,120	2,267	202.4
13.	Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong	10	6,211	10	3,192	3,019	94.6
14.	Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah	12	18,577	13	11,435	7,142	62.5
15.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	3	5,085	8	3,177	1,908	60.1
16.	Bahagian DUN dan MMK	113	127,814	118	106,850	20,964	19.6
17.	Jabatan Agama Islam Negeri Perak	34	81,947	-	-	81,947	100.0
18.	Pejabat Daerah Tanah Hilir Perak	3	21,142	-	-	21,142	100.0
19.	Institut Tadbiran Agama Perak	3	20,978	-	-	20,978	100.0
20.	Majlis Sukan Negeri Perak	2	13,610	-	-	13,610	100.0
21.	Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk	1	9,738	-	-	9,738	100.0
22.	Pejabat Agama Ipoh	4	9,507	-	-	9,507	100.0
23.	Pejabat Agama Islam Batu Gajah	4	7,664	-	-	7,664	100.0
24.	Pejabat Agama Islam Teluk Intan	2	6,087	-	-	6,087	100.0
25.	Pejabat Agama Lenggong	1	5,660	-	-	5,660	100.0
26.	Pejabat Agama Islam Muallim	1	5,351	-	-	5,351	100.0
27.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar	5	4,617	-	-	4,617	100.0
28.	Pejabat Agama Bagan Serai	3	4,350	-	-	4,350	100.0
29.	Jabatan Kerja Raya Kampar	1	4,274	-	-	4,274	100.0
30.	Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Kangsar	6	4,144	-	-	4,144	100.0
31.	Pejabat Agama Selama	1	4,081	-	-	4,081	100.0

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021		2020		PERUBAHAN	
		BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)	(RM)	(%)
32.	Pejabat Daerah dan Tanah Pengkalan Hulu	8	4,061	-	-	4,061	100.0
33.	Sekolah Raja Perempuan Taayah	1	1,440	-	-	1,440	100.0
34.	Jabatan Kerja Raya Daerah Batang Padang	1	1,146	-	-	1,146	100.0
35.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kerian	12	977	-	-	977	100.0
36.	Sekolah Menengah Agama Kampung Gajah	3	667	-	-	667	100.0
37.	Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung	1	356	-	-	356	100.0
38.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hilir Perak	1	300	-	-	300	100.0
39.	Jabatan Kerja Raya Mekanikal	6	286	-	-	286	100.0
40.	Lembaga Muzium Perak	2	244	-	-	244	100.0
41.	Pejabat Agama Kuala Kangsar	2	194	-	-	194	100.0
42.	Jabatan Kerja Raya Bagan Datuk	1	85	-	-	85	100.0
43.	Mahkamah Syariah LMS Taiping	1	44	-	-	44	100.0
44.	Mahkamah Syariah Parit Buntar	1	39	-	-	39	100.0
45.	Mahkamah Syariah Kuala Kangsar	1	33	-	-	33	100.0
46.	Pejabat Pertanian Daerah Btg Padang Tapah	2	12	-	-	12	100.0
JUMLAH		361	1,039,830	209	152,204	887,626	583.2
Tambah: Lain-lain • (25 jabatan)		174	140,620	542	749,871	(609,251)	(81.2)
JUMLAH KESELURUHAN		535	1,180,450	751	902,075	278,375	30.9

Sumber: Arahkan Pembayaran AP 58(a)

- c. Lima jabatan yang menunjukkan peningkatan ketara adalah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Larut Matang dan Selama, PDT Kinta Ipoh, PDT Larut Matang dan Selama, Taiping serta Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Pembayaran AP 58(a) dibuat disebabkan bil dan tuntutan lewat diterima dan antara tujuan pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
TUJUAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TUJUAN PEMBAYARAN
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak	i. Bayaran Bil Surat Khabar Bulan November 2020; ii. Bayaran Bil Utiliti Stesen Telemeri M2M Milik Hidrologi JPS Bulan Disember 2020; iii. Bayaran Bil Pos Laju dan Bil Mesin Faks Bulan November dan Disember 2020; iv. Bayaran Tuntutan Elaun Bertukar; v. Bayaran Pelarasan Gaji dan Elaun Pemangkuan Kenaikan Pangkat PT W26; dan vi. Bayaran Membekal Alat Ganti Serta Menyelenggara Pam Parit Jenis ABS.
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Larut Matang dan Selama	i. Bayaran Sewa Mesin Penapis Air Coway Bulan Disember 2020; ii. Bayaran Perkhidmatan Mencuci Pejabat di Kawasan Pejabat JKR dan Workshop JKR Taiping Bulan Disember 2020; iii. Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Pejabat JKR Taiping, Kawasan Stor JKR Larut dan di Pejabat JKR Selama Bulan Disember 2020; iv. Bayaran Perkhidmatan Menjaga Dua Buah Pintu Air di Kuala Sepatang Bulan Disember 2020; dan v. Bayaran Perkhidmatan Menyediakan Pewangi dan <i>Hygine</i> Untuk JKR Taiping Bulan Disember 2020.
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Ipoh	i. Bayaran Bil Minyak Bulan Disember 2020; ii. Bayaran Sewaan Mesin Penapis Air Bulan Disember 2020; iii. Bayaran Mesin Fotostat Bulan Disember 2020; dan iv. Bayaran Perkhidmatan <i>Hygiene</i> dan Pewangi Disember 2020.
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama, Taiping	i. Bayaran Gaji Pegawai Bersara Wajib Bulan Disember 2020; dan ii. Bayaran Emolumen Pegawai Yang Bertukar Masuk ke PDT Larut Matang dan Selama, Taiping.
5.	Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	i. Bayaran Elaun Lebih Masa Bulan Disember; ii. Perkhidmatan Zimbra <i>Email Server</i> Bulan Disember 2020; iii. Bayaran Bil Minyak Bulan Disember 2020; dan iv. Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat Bulan Disember 2020.

Sumber: Arahan Pembayaran AP58(a)

- d. Analisis Audit pada tahun 2021 mendapati 40 daripada 535 arahan pembayaran AP 58(a) berjumlah RM66,389 telah lewat dibayar walaupun telah mendapat kelulusan PKN antara 23 Februari hingga 31 Mac 2021. Tempoh kelewatan pembayaran adalah empat hingga 11 hari.

Maklum Balas dari Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 18 Mei dan 10 Jun 2022

Unit Bayaran Perbendaharaan Negeri Perak akan memastikan semua pembayaran AP 58(a) bagi tahun 2022 akan datang dibuat bayaran sebelum tarikh yang ditetapkan selaras dengan Pekeliling PKN yang berkuat kuasa. Sekiranya terdapat pembayaran yang tidak mematuhi tarikh tersebut, arahan bayaran tidak akan disahkan. Permohonan khas kebenaran bayaran ke PKN perlu dibuat untuk pertimbangan berdasarkan AP 58(a) dan AP 3.

Selain itu, pematuhan terhadap peraturan berkaitan AP 58 akan dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) pada bulan Julai 2022 kepada PTJ supaya perkara ini tidak berulang.

- e. Analisis Audit mendapati sehingga bulan Mei 2022, sebanyak 27 arahan pembayaran berjumlah RM94,259 telah dibelanjakan di bawah AP 58(a) untuk pembayaran semua bil dan tuntutan bagi tahun 2021 yang lewat diterima oleh jabatan/PTJ selepas 30 November 2020 (tarikh akhir penyediaan arahan pembayaran mengikut Surat Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 2021).
- f. Pejabat Kewangan Negeri melalui Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1 Tahun 2021 menetapkan supaya semua jabatan/pejabat mengemukakan permohonan bayaran AP 58(a) sebelum atau pada 31 Mac 2021 untuk kelulusan. Berdasarkan analisis Audit, sejumlah RM8,340 melibatkan 10 arahan pembayaran AP 58(a) telah diluluskan dan diselesaikan selepas 31 Mei 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) SELEPAS TARIKH YANG DIBENARKAN

BIL.	JABATAN/ PEJABAT	ARAHAN PEMBAYARAN		TARIKH		AMAUN (RM)
		BILANGAN	TARIKH	PERMOHONAN AP 58(a)	KELULUSAN AP 58(a)	
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta	1	21.06.2021	09.04.2021	08.06.2021	123
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Muallim	1	15.06.2021	11.05.2021	08.06.2021	159
3.	Jabatan Pertanian Negeri Perak	3	15.06.2021	11.05.2021	08.06.2021	1,591
4.	Jabatan Mufti Negeri Perak	1	12.08.2021	12.04.2021	06.07.2021	553
		1	15.06.2021	26.04.2021	05.05.2021	23
		1	18.06.2021	26.04.2021	05.05.2021	77
5.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta	2	20.08.2021	30.07.2021	17.08.2021	5,814
JUMLAH		10	JUMLAH			8,340

Sumber: Arahan Pembayaran AP 58(a)

- g. Perenggan 6 Soalan Lazim Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Bayaran yang dikemas kini pada 3 Februari 2021 menetapkan AP 58(a) berkaitan emolumen tidak tertakluk di bawah AP 58(a). Pihak Audit mendapati tiga arahan pembayaran berkaitan emolumen berjumlah RM40,925 telah dibayar di bawah AP 58(a). Butiran arahan pembayaran berkaitan emolumen adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) BERKAITAN EMOLUMEN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	ARAHAN PEMBAYARAN		AMAUN (RM)
		NOMBOR/ TARIKH	PERIHAL	
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak	21IABB0400061 25.02.2021	Pelarasan Gaji dan Elaun Pemangkuan Kenaikan Pangkat Pembantu Tadbir W26	1,416
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama, Taiping	21EXBB0400107 22.03.2021	Bayaran gaji dan Emolumen kerana bersara wajib pada 9 Disember 2020. Bayaran mulai 1.12.2020 hingga 8.12.2020	802
3.		21EXBB0400108 22.03.2021	Bayaran balik emolumen pegawai yang bertukar masuk ke Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama, Taiping	38,707
JUMLAH				40,925

Sumber: Arahkan Pembayaran AP 58(a)

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 10 Jun 2022

Antara sebab pembayaran gaji dan emolumen dibayar di bawah AP 58(a) adalah:

- Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) diterima selepas tarikh akhir bayaran pada 20 November 2020 [berdasarkan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Perak (Garis Panduan dan Peraturan Penutupan Akaun Bagi Tahun 2020)];
- jabatan mengakui pembayaran bagi Modul Akaun Belum Bayar untuk kakitangan yang bersara [justifikasi seperti di Lampiran B1: Sijil Kelulusan AP 58(a)] telah melepasi tarikh akhir pembayaran; dan
- surat tuntutan bayaran balik dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia [justifikasi seperti di Lampiran B1: Sijil Kelulusan AP 58(a)] lewat diterima.

6.2.7. Pembayaran di bawah Arahkan Perbendaharaan 59 (AP 59)

Bayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh pembekal bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan. Jika terdapat keraguan, pembayaran di bawah AP 59 perlu dibuat dengan kelulusan PKN dan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan oleh Pegawai Pengawal atau jabatan. Pada tahun 2021, tiada pembayaran di bawah AP 59 dilakukan oleh Kerajaan negeri.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Perenggan 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Kerajaan negeri tidak menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2016.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

- a. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Perenggan 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Pengurusan semua wang yang diterima tertakluk kepada arahan amanah mengikut terma-terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2021, **Akaun Amanah Disatukan berbaki RM798.74 juta berbanding RM719.98 juta pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak RM78.76 juta atau 10.9%.**
- b. Analisis Audit mendapati peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM18.37 juta dan Amanah Awam sebanyak RM34.21 juta serta Deposit sebanyak RM26.18 juta. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	BIL. AKAUN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada:	11	328.19	309.82	18.37	5.9
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	1	(18.99)	(48.56)	29.57	(60.9)
	ii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah</i>	10	347.18	358.38	(11.20)	(3.1)
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	62	298.47	264.26	34.21	12.9
3.	Deposit	79	172.08	145.90	26.18	17.9
JUMLAH		152	798.74	719.98	78.76	10.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan dan perbelanjaannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh DUN.
- b. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 adalah berjumlah RM328.19 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM18.37 juta berbanding RM309.82 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini antaranya disumbangkan oleh penurunan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM29.57 juta. Peningkatan baki Amanah Awam disumbangkan oleh peningkatan baki 27 Akaun Amanah Awam manakala peningkatan baki Deposit pula antaranya disumbangkan oleh peningkatan baki Deposit Am dan Deposit Khusus masing-masing sebanyak RM8.42 juta dan RM17.99 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(18.99)	(48.56)	29.57	(60.9)
2.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada:	347.18	358.38	(11.20)	(3.1)
	<i>i) Akaun Penyelesaian</i>	<i>0.00</i>	<i>0.00</i>	<i>0.00</i>	<i>0.0</i>
	<i>ii) Akaun Perniagaan</i>	<i>1.50</i>	<i>1.50</i>	<i>0.00</i>	<i>0.0</i>
	<i>iii) Akaun Pinjaman</i>	<i>35.52</i>	<i>25.45</i>	<i>10.07</i>	<i>39.6</i>
	<i>iv) Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	<i>11.00</i>	<i>11.00</i>	<i>0.00</i>	<i>0.0</i>
	<i>v) Pelbagai Kumpulan Wang</i>	<i>299.16</i>	<i>320.43</i>	<i>(21.27)</i>	<i>(6.6)</i>
BAKI PADA 31 DISEMBER		328.19	309.82	18.37	5.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, ansuran sewa beli dan jualan serta pelbagai terimaan yang lain. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

a. Prestasi Kewangan

- i. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat lebih sejumlah RM29.57 juta berbanding lebih RM0.64 juta pada tahun 2020. Lebih ini disumbangkan oleh penerimaan yang berjumlah RM372.64 juta melebihi perbelanjaan berjumlah RM343.07 juta. Oleh itu, baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 menurun sebanyak RM29.57 juta menjadi RM18.99 juta berbanding RM48.56 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(48.56)	(49.20)	0.64	(1.3)
Penerimaan	372.64	390.19	(17.55)	(4.5)
Perbelanjaan	343.07	389.55	(46.48)	(11.9)
Lebihan	29.57	0.64	28.93	4,520.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	(18.99)	(48.56)	29.57	(60.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- ii. Baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 sejumlah RM18.99 juta dan sejumlah RM48.56 juta bagi tahun 2020 telah dipertanggungjawabkan dengan baki Kumpulan Wang Amanah yang lain.
- iii. Pada tahun 2021, **Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM343.07 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM389.55 juta pada tahun 2020**. Pejabat Kewangan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM132.55 juta pada tahun 2021 iaitu 38.6% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021. Perbelanjaan ini adalah bagi membiayai perbelanjaan Geran Pembangunan Agensi, Sosial, Pendidikan Sekolah, Pendidikan Tinggi dan Pelbagai Projek. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)	132.55	146.45	(13.9)	(9.5)
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	112.61	141.86	(29.25)	(20.6)
3.	Jabatan Kerja Raya	62.18	74.59	(12.41)	(16.6)
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	12.42	14.98	(2.55)	(17.0)
5.	Pejabat Daerah dan Tanah	11.06	0.00	11.06	0.0
6.	Jabatan Pertanian	6.16	5.00	1.16	23.2
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.66	3.00	0.66	22.0
8.	Jabatan Perhutanan	2.43	3.67	(1.24)	(33.8)
JUMLAH		343.07	389.55	(46.48)	(11.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

b. Rancangan Pembangunan Perak 2021 – 2025

- i. Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Perak (RPP) 2021 – 2025 mula diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2021. Rancangan ini dirangka untuk kemajuan Negeri Perak dalam memperkasakan infrastruktur industri dan memperkukuhkan asas dalam setiap sektor utama.
- ii. Peruntukan RPP dibuat secara tahunan mengikut jumlah pendapatan sebenar. Pada tahun 2021, peruntukan sejumlah RM430 juta telah diluluskan oleh Kerajaan negeri untuk diagihkan kepada 19 Jabatan Negeri bagi pelaksanaan projek/program yang dirancang.
- iii. Pada 16 Jun 2021, Warta Khas Bil. 1 Tahun 2021 telah dikeluarkan oleh Kerajaan negeri sejumlah RM24.37 juta bagi pelarasan peruntukan untuk melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera 2021. Pelarasan ini selaras dengan Seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu)(Pindaan) 2021.
- iv. MMK Bil. 2041 bertarikh 8 September 2021 telah meluluskan cadangan sekatan perbelanjaan mengurus dan pembangunan di bawah Belanjawan Tahun 2021 Negeri Perak sejumlah RM72.59 juta berkuat kuasa 1 September 2021. Kelulusan pindaan Belanjawan Tahun 2021 ini menyebabkan jumlah peruntukan RPP yang dikemas kini adalah berjumlah RM357.41 juta.

- v. Pada keseluruhannya, Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Negeri Perak menurun sebanyak RM46.48 juta atau 11.9% daripada RM389.55 juta pada tahun 2020 kepada RM343.07 juta pada tahun 2021. Analisis Audit mendapati 19 jabatan telah membelanjakan peruntukan melebihi 90%. Perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut perancangan peruntukan dan dasar penjimatan yang telah ditetapkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN PERUNTUKAN DAN
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.66	3.66	100.0
2.	PDT Kuala Kangsar	1.38	1.38	100.0
3.	PDT Batang Padang	1.15	1.15	100.0
4.	PDT Hulu Perak	1.00	1.00	100.0
5.	PDT Manjung	0.98	0.98	100.0
6.	PDT Kampar	0.80	0.80	100.0
7.	PDT Kinta	0.80	0.80	100.0
8.	PDT Hilir Perak	0.70	0.70	100.0
9.	PDT Perak Tengah	0.60	0.60	100.0
10.	PDT Bagan Datuk	0.60	0.60	100.0
11.	Jabatan Pertanian	6.19	6.16	99.5
12.	PDT Kerian	1.25	1.24	99.2
13.	PDT Larut, Matang dan Selama	0.80	0.79	98.8
14.	Jabatan Perhutanan	2.50	2.43	97.2
15.	Pejabat Kewangan Negeri (Pelbagai Projek)*	137.75	132.55	96.2
16.	Jabatan Kerja Raya	65.00	62.18	95.7
17.	Jabatan Pengairan dan Saliran	13.00	12.42	95.5
18.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*	118.18	112.61	95.3
19.	PDT Muallim	1.07	1.02	95.3
JUMLAH		357.41	343.07	96.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

Nota: Peruntukan bagi jabatan/pejabat bertanda (*) adalah untuk projek yang berbentuk fizikal dan bukan fizikal

c. Prestasi Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Perak 2021

- i. Pada tahun 2021, sebanyak 1,151 projek telah dirancang untuk dilaksanakan merangkumi projek utama dan kerja-kerja kecil yang dilaksanakan di bawah projek/program utama. Daripada jumlah tersebut, 1,099 projek/program atau 95.5% telah disiapkan sepenuhnya dan 33 projek/program atau 2.9% sedang dilaksanakan. Manakala 19 projek/program atau 1.6% masih belum dimulakan


kerana terdapat projek/program tangguh, belum mula dan masih dalam perancangan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 33** dan **Carta 4**.

JADUAL 33
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN RPP 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PROJEK/PROGRAM			JUMLAH
		SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA	
1.	Jabatan Kerja Raya	219	12	15	246
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	183	10	2	195
3.	Jabatan Pertanian	25	0	0	25
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	95	0	0	95
5.	Jabatan Perhutanan	0	10	0	10
6.	Pejabat Daerah dan Tanah	407	1	0	408
7.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	170	0	2	172
JUMLAH		1,099	33	19	1,151

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal Tahun 2021

CARTA 4
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN RPP 2021



Sumber: Laporan Prestasi Kewangan dan Fizikal RPP 2021

- ii. Analisis Audit mendapati peruntukan bagi dua kod projek pembangunan berjumlah RM0.82 juta di dua jabatan tidak dibelanjakan. Jabatan yang terlibat adalah PDT Kerian dan PDT Manjung. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN

BIL.	KOD PROJEK	JABATAN MEMBAYAR	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	SEBAB
1.	Pendidikan Sekolah	Pejabat Daerah dan Tanah Kerian	443,000	Peruntukan yang telah diluluskan tidak dijumpakan ke Akaun Amanah Program dan Projek Khas PDT Kerian.
2.	Pelbagai Projek	Pejabat Daerah dan Tanah Manjung	374,000	Peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana terlibat dengan proses pengambilan balik tanah yang masih belum selesai. PDT Manjung masih dalam tindakan mengeluarkan notis kepada pemilik tanah bagi tujuan perbicaraan.
JUMLAH			817,000	

Sumber: Laporan Bulanan Vot Pembangunan bagi Bulan Berakhir AKB (14)

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 23 Jun 2022

Pejabat Kewangan Negeri telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab bertarikh 25 April 2022 kepada PDT Kerian kerana tidak melaksanakan tindakan seperti yang dinyatakan dalam surat PKN dan tujuan pindahan secara jurnal. PDT Kerian memaklumkan bahawa pihak pentadbiran tersebut tidak berpengalaman dalam menjalankan urusan pindahan ke akaun amanah tersebut yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Daerah. Selain itu, PDT Manjung memaklumkan peruntukan tidak dibelanjakan pada tahun 2021 kerana proses pengambilan tanah masih belum selesai. Peruntukan ini hanya akan dibelanjakan setelah selesai proses rundingan dengan pemilik. PDT Manjung dalam tindakan notis kepada pemilik tanah untuk tujuan *hearing* pada Julai 2022.

d. Projek Pembangunan RMKe-11 Yang Masih Belum Selesai

- i. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) digubal untuk memenuhi dasar dan strategi pembangunan negeri bagi tempoh lima tahun (2016 - 2020). Pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini adalah penting untuk menjamin pelaksanaan secara konsisten di semua peringkat bagi memastikan semua projek/program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.
- ii. Analisis Audit terhadap 13 projek fizikal RMKe-11 yang belum selesai dalam tempoh mendapati 12 projek di bawah JKR dan satu projek di bawah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) masih belum selesai pada tahun 2021. Maklumat berkaitan projek RMKe-11 yang belum selesai pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
PROJEK RMKe-11 YANG BELUM SELESAI PADA TAHUN 2020

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM SELESAI
JABATAN KERJA RAYA			
1.	Membina Jalan Baru Dari Perkampungan Hot Felda Sg. Kelah ke Kolam Air Panas	5.0	Dalam proses panggilan perbicaraan pengambilan balik tanah dari pihak PDT Batang Padang yang tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan. Projek tidak menerima peruntukan pada tahun 2021.
2.	Membina Jalan Sg. Ipil – Sg. Dulang, Daerah Hilir Perak – Fasa 2	26.0	Dalam proses bayaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Terdapat pemilik tanah yang masih gagal mengemukakan borang H - (Akta PBT 1960).
3.	Membina Jalan Baru Dari Jalan Tg. Rambutan Ke Laluan Persekutuan 1	24.0	Proses penandaan semula sempadan lot bagi tujuan penilaian pengambilan balik tanah untuk lot yang terlibat dengan jajaran jalan. Projek tidak menerima peruntukan pada tahun 2021.
4.	Membina Jalan Alternatif Pekan Ayer Tawar, Daerah Manjung (Jajaran Baharu)	35.0	Proses pengambilan balik tanah ditangguhkan. Dalam tindakan pengesyoran menggugurkan/batal daripada senarai jabatan disebabkan projek tidak lagi menjadi keutamaan selepas siap lebuhraya <i>West Coast Express</i> . Projek tidak menerima peruntukan pada tahun 2021.
5.	Membina Jambatan Kg. Bahagia ke Bandar Teluk Intan	25.0	Selesai peringkat bayaran pengambilan balik tanah sahaja. Pembinaan ditangguhkan kerana peruntukan tahun semasa tidak mencukupi. Projek akan dilaksanakan setelah kelulusan peruntukan diterima.
6.	Pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Sg. Manik, Daerah Hilir Perak	29.0	Pertimbangan untuk kelulusan siling di bawah Peruntukan Pembangunan Tahun 2023. Menunggu kelulusan <i>Preliminary Detailed Abstract (PDA)</i> oleh pihak UPEN/PKN. Terdapat kenaikan kos sebanyak 40% disebabkan oleh pertambahan skop rawatan tanah menjadikan kos semasa projek berjumlah RM 48.32 juta. Pada 10 Januari 2022 mesyuarat semakan kenaikan kos telah diadakan oleh UPEN. Surat susulan kepada UPEN telah dikemukakan pada 10 Februari 2022.
7.	Pembinaan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Tambun, Daerah Kinta	34.5	Projek masih dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sebenar 23% berbanding yang ditetapkan dalam jadual iaitu 13%.
8.	Pembinaan Mahkamah Syariah Teluk Intan	2.5	Masih dalam pelaksanaan kerja-kerja ukur.
9.	Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak	27.4	Dalam proses penamatan kontraktor. Perjanjian Penamatan Bersama telah disediakan oleh JKR tetapi masih belum ditandatangani oleh pihak syarikat. Projek ditangguhkan mengikut keputusan Kerajaan negeri.
10.	Pembinaan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Perak Tengah	3.71	Projek masih dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sebenar 48% berbanding yang ditetapkan dalam jadual iaitu 55%.
11.	Menaiktaraf Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Membina Baru Arena Square dan Lain-lain Kerja Berkaitan	1.84	Projek masih dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sebenar 52% berbanding yang ditetapkan dalam jadual iaitu 58%.
12.	Cadangan Pembinaan Pejabat dan Kediaman Rasmi Orang Besar Jajahan (OBJ) Bagan Datuk, Daerah Bagan Datuk, Perak Darul Ridzuan	3.16	Projek masih dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sebenar 38% berbanding yang ditetapkan dalam jadual iaitu 42%.
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK			
13.	Kerja-kerja Menaik Taraf dan Ubah Suai Tingkat 1, Surau At-Tarbiyyah, Taman Cempaka.	0.30	Projek di peringkat penyerahan tapak kepada kontraktor pada 10 September 2021.

Sumber: Senarai Projek/Program RMKe-11 Yang Belum Selesai

e. Projek Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak

- i. Projek Pembinaan Kompleks Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak merupakan projek bagi membina dan menyiapkan sebuah Kompleks Ibu Pejabat JAIPk, Ipoh. Pada 19 Oktober 2016, JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Pada tahun 2018, pihak PKN dan JAIPk menetapkan kerja-kerja awalan akan dilaksanakan dalam RMKe-11. Manakala pelaksanaan projek akan dibawa ke tahun berikutnya.
- ii. Pada tahun 2019, syarikat bernombor pendaftaran 197601000299 (25686-A) telah dilantik sebagai kontraktor bagi menguruskan projek ini dengan nilai kontrak berjumlah RM27.40 juta dan tempoh kontrak selama 124 minggu. Kaedah pelantikan adalah secara tender.
- iii. MMK Bilangan 2005 bertarikh 21 Oktober 2020, telah memutuskan agar tapak Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JAIPk ditukar dari Meru Raya ke tanah milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) di Jalan Panglima Bukit Gantang, Ipoh (Lot 10758 dan Lot 1553). Bagi tujuan penempatan semula tapak projek, tanah tapak Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JAIPk seluas 9.73 ekar di Meru Raya akan dipindahmilik kepada pihak MAIPk sebagai pertukaran terhadap tanah Lot 10758 dan Lot 1553.
- iv. MMK Bilangan 2005 bertarikh 21 Oktober 2020 telah memutuskan kerja kontraktor bagi Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JAIPk di Meru Raya ditamatkan kerana melibatkan pertukaran tapak projek serta perubahan kos yang tinggi. Sesi rundingan bersama pihak kontraktor akan diadakan bagi menentukan jumlah tuntutan dan kos penamatan kontrak. Anggaran kos penamatan adalah sejumlah RM2.75 juta. Kos pembinaan baru bagi Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat JAIPk dianggarkan bernilai RM54.22 juta.
- v. Pada 18 Januari 2021, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri telah memberi ulasan perundangan terhadap penamatan kontrak yang dicadangkan oleh JKR berdasarkan klausa perjanjian dalam JKR D&B Bilangan 1 Tahun 2020. Dua kaedah yang dicadangkan iaitu *Termination on National Interest* atau membuat perjanjian tambahan bagi Penamatan Bersama. Kerajaan negeri telah memutuskan untuk membuat perjanjian tambahan bagi Penamatan Bersama terhadap kontraktor terbabit. Pada 4 Februari 2021 perbincangan khas berkaitan perjanjian tambahan telah diadakan antara JKR dengan kontraktor. Pihak kontraktor tidak bersetuju dengan deraf perjanjian tambahan bagi Perkara 3.2 (save for the provisions) dan memohon supaya jumlah tuntutan dipersetujui terlebih dahulu sebelum perjanjian tambahan ditandatangani.

- vi. Pada 19 Februari 2021, pihak JKR telah menerima permohonan tuntutan daripada kontraktor berjumlah RM5.22 juta yang melibatkan tuntutan Wang Jaminan Pelaksanaan, baki jumlah tuntutan bayaran kontrak dan perunding, perbelanjaan pengurusan dan kehilangan keuntungan projek. Pada 5 Mei 2021 mesyuarat Jawatankuasa Tuntutan JKR Perak telah memutuskan jumlah tuntutan tersebut tidak layak untuk dipertimbangkan.
- vii. Pada 26 April 2021, kontraktor mengemukakan surat permohonan tuntutan pampasan (Ex-Gratia) bagi penamatan kontrak secara persetujuan bersama sejumlah RM3 juta. Bagaimanapun pihak JKR melalui surat pada 20 Mei 2021 memaklumkan bahawa tuntutan tersebut adalah tertakluk kepada keputusan MMK Negeri.
- viii. Berdasarkan keputusan MMK Bilangan 2042 bertarikh 15 September 2021, telah memutuskan untuk menolak tuntutan pampasan (Ex-Gratia) sejumlah RM3 juta.
- ix. Sehingga tarikh akhir pengauditan pada 24 Mac 2022, pihak kontraktor masih belum menandatangani perjanjian tambahan walaupun JKR telah mengemukakan surat peringatan kedua pada 7 Januari 2022.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 23 Jun 2022

JKR Perak mencadangkan agar Kerajaan negeri mengadakan perbincangan dengan pihak kontraktor untuk melaksanakan penamatan secara persetujuan bersama selaras dengan klausa 59.2 (b) Syarat-syarat kontrak PWD DB dan PK 4.1 Perkara 6 – Garis Panduan Pelaksanaan Penamatan Bersama (Mutual Termination) Bagi Kontrak Kerja. Sekiranya pihak kontraktor enggan menandatangani perjanjian persetujuan penamatan, khidmat nasihat daripada Penasihat Undang-Undang Negeri adalah diperlukan.

f. Projek Pembangunan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan

- i. Pada 18 Februari 2015, perjanjian konsensi di antara Kerajaan negeri dan syarikat bernombor pendaftaran 168870-H telah ditandatangani untuk melaksanakan pembinaan enam buah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di enam daerah. Berdasarkan perjanjian konsensi, kos pembinaan

keseluruhan enam buah SMTDR sejumlah RM260 juta akan dibayar secara *deferred payment*. Daerah yang terlibat ialah daerah Batang Padang, Hulu Perak, Larut Matang dan Selama, Kuala Kangsar, Kerian dan Bagan Datuk.

- ii. MMK Bilangan 1868 pada 17 Ogos 2016 telah memutuskan agar pembinaan SMTDR bagi daerah Batang Padang dan Lenggong diteruskan manakala pembinaan SMTDR bagi empat daerah lain yang terlibat adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Kaedah pembayaran projek juga telah dipinda kepada bayaran berdasarkan kemajuan kerja.
- iii. Kedua-dua projek Pembinaan SMTDR Lenggong dan Batang Padang telah siap pada 30 Julai dan 23 Disember 2020.
- iv. MMK Bilangan 2014 pada 3 Februari 2021 telah memutuskan pembinaan bagi dua SMTDR Tambun dan Sungai Manis diteruskan pelaksanaannya oleh syarikat bernombor pendaftaran 168870-H. Justifikasi pembinaan adalah tertakluk kepada JKR Negeri Perak yang dilantik sebagai Pegawai Penguasa bagi kedua-dua projek tersebut. Mesyuarat juga memaklumkan kelemahan dalam perjanjian pelaksanaan bagi SMTDR yang terdahulu akan diperhalusi dan ditambah baik bagi tujuan pembinaan SMTDR Tambun dan Sungai Manik.
- v. Pada 25 Jun 2021, Surat Setuju Terima pembinaan SMTDR Tambun telah dikeluarkan dengan kos projek berjumlah RM34.50 juta. Tempoh pelaksanaan projek 124 minggu mulai tarikh milik tapak 14 Julai 2021 sehingga tarikh siap 28 November 2023.
- vi. Projek pembinaan ini telah menerima peruntukan tahun 2021 sejumlah RM8.21 juta. Perbelanjaan projek sehingga 31 Disember 2021 adalah sejumlah RM8.03 juta. Baki peruntukan sejumlah RM0.18 juta akan disalurkan pada tahun 2022. Sehingga tarikh akhir pengauditan pada 24 Mac 2022, kemajuan fizikal projek adalah 6%.
- vii. Projek pembinaan SMTDR Sungai Manik pula akan dipertimbangkan untuk kelulusan siling di bawah Peruntukan Pembangunan tahun 2023. Pada 16 November 2021, JKR telah mengemukakan satu permohonan peruntukan projek SMTDR Sungai Manik dan memaklumkan kos pelaksanaan projek telah meningkat daripada RM29 juta kepada RM48.32 juta. Faktor peningkatan kos projek disebabkan keperluan kerja-kerja rawatan tanah dan penambahbaikan sistem saliran/longkang bagi pengaliran air dari tapak cadangan SMTDR Sungai Manik.

- viii. Berdasarkan Laporan Prestasi (Kewangan dan Fizikal) Pelaksanaan Projek-projek RMKe-11 Tahun 2020, JKR telah menerima peruntukan sejumlah RM1 juta bagi projek SMTDR Sungai Manik. Bagaimanapun peruntukan tersebut tidak dibelanjakan dalam tahun 2020 kerana pembatalan Surat Setuju Terima pada 4 Disember 2020.

8.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah

a. Akaun Peruntukan Khas

- i. Akaun Peruntukan Khas diwujudkan mengikut Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan telah dipinda penubuhannya daripada Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 kepada Seksyen 10 mulai 1 Julai 2013. Mulai bulan April 2019, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS) Negeri Perak telah digantikan dengan Akaun Peruntukan Khas.
- ii. Pada 1 Julai 2021, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri 3.0 telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Tatacara ini ditambah baik bagi tujuan memudah cara pentadbiran Pemberian MARRIS oleh Kerajaan negeri melalui keputusan Majlis Kewangan Negara (MKewN) dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (JPP MARRIS) di peringkat Kerajaan Persekutuan.
- iii. Pada tahun 2021, jumlah terimaan Akaun Peruntukan Khas adalah sejumlah RM590.08 juta. Daripada jumlah ini, sejumlah RM586.07 juta adalah Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyenggara jalan sepanjang 28,129.044 km. Baki sejumlah RM4.01 juta adalah terdiri daripada pelarasan kod akaun tersalah caj bagi arahan pembayaran sejumlah RM3.39 juta dan bayaran balik perbelanjaan MARRIS yang telah dibuat pembayaran dua kali sejumlah RM0.62 juta. Terimaan menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.73 juta (0.6%) berbanding RM586.35 juta pada tahun 2020. Jumlah terimaan tahun 2021 yang telah dibelanjakan adalah sejumlah RM605.65 juta. Panjang jalan yang diselenggara mengikut kategori adalah seperti berikut:
 - jalan pertanian sepanjang 11,120.528 km atau 39.5%;
 - jalan raya bandaran sepanjang 6,563.341 km atau 23.3%;
 - jalan kampung sepanjang 5,559.271 km atau 19.8%;
 - perbatuan lorong belakang sepanjang 2,366.148 km atau 8.4%;

- jalan raya negeri sepanjang 2,118.819 km atau 7.5%; dan
 - jalan kawasan perumahan rendah sepanjang 400.937 km atau 1.4%.
- iv. Perbelanjaan Akaun Peruntukan Khas adalah termasuk perbelanjaan mengurus pentadbiran sejumlah RM1.06 juta atau 0.18% berbanding keseluruhan perbelanjaan. Baki Akaun Peruntukan Khas pada akhir tahun 2021 berjumlah RM279.37 juta. Kedudukan Akaun Peruntukan Khas bagi tempoh 2017 hingga 2021 adalah seperti **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PERUNTUKAN KHAS
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEMASA		BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
			(RM Juta)	(%)	
2017	204.42	473.33	510.71	107.9	167.04
2018	167.04	486.16	452.15	93.0	201.05
2019	201.05	527.88	474.51	89.9	254.42
2020	254.42	586.35	545.83	93.1	294.94
2021	294.94	590.08	605.65	102.6	279.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957, iaitu terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan negeri dan wang amanah yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri, agensi, syarikat swasta dan individu bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun amanah ini perlu dibuat mengikut arahan amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sebanyak RM34.21 juta (12.9%) kepada RM298.47 juta berbanding RM264.26 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	264.26	236.25	28.00	11.9
Penerimaan	259.08	282.38	(23.30)	(8.2)
Pembayaran	224.87	254.37	(29.51)	(11.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	298.47	264.26	34.21	12.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.2.2. Analisis Audit mendapati akaun amanah yang menunjukkan peningkatan ketara antaranya adalah Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan yang meningkat sebanyak RM24.08 juta, menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM42.94 juta. Manakala Akaun Amanah Hartanah Bumiputera Negeri Perak pula meningkat sebanyak RM16.54 juta, menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM71.93 juta. Akaun Amanah yang menunjukkan penurunan ketara antaranya adalah Akaun Amanah Tabung Bencana Negeri Perak yang menurun sebanyak RM5.41 juta menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM3.02 juta. Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung turut menurun sebab sebanyak RM5.41 juta menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM0.58 juta.

8.2.3. Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan

- a. Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 bagi tujuan memperakaunkan terimaan, sumbangan dan perbelanjaan yang dibuat bagi peruntukan khas yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan yang menggunakan akaun amanah ini adalah untuk membiayai projek-projek khas untuk kesejahteraan rakyat negeri Perak.
- b. Baki akaun amanah ini pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM42.94 juta, iaitu meningkat sebanyak RM24.08 juta berbanding tahun 2020. Butiran baki Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
BAKI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	18.86	50.61	(31.75)	(62.7)
Penerimaan	51.16	22.50	28.66	127.4
Perbelanjaan	27.08	54.25	(27.17)	(50.1)
BAKI PADA 31 DISEMBER	42.94	18.86	24.08	127.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM41.72 juta. Sumbangan ini adalah terdiri daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejumlah RM21.72 juta bagi Program Imunisasi Covid-19 (PICK) dan Kementerian Kewangan sejumlah RM20 juta bagi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA). Akaun amanah ini turut menerima pulangan balik Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri sejumlah RM6.38 juta. Selain itu, terimaan akaun ini juga terdiri daripada pulangan balik peruntukan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan PDT berjumlah RM3.06 juta.
- d. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah RM27.08 juta telah dibelanjakan iaitu penyaluran peruntukan kepada PDT dan PBT bagi program PICK berjumlah RM15.54 juta. Perbelanjaan lain yang terlibat adalah bagi program PEMERKASA Fasa 1 sejumlah RM9.93 juta, projek di bawah peruntukan khas YAB Perdana Menteri tahun 2019 sejumlah RM1.34 juta dan bayaran projek berskala kecil bagi Program Rangsangan Ekonomi (PRE) tahun 2020 sejumlah RM0.27 juta. Pada 25 November 2021, Kerajaan negeri menerima sejumlah RM10 juta bagi program PEMERKASA Fasa 2 yang akan dibelanjakan pada tahun 2022. Ini menjadikan baki akhir akaun ini berjumlah RM42.94 juta. Perincian jumlah terimaan dan pembayaran Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
PERINCIAN TERIMAAN DAN PERBELANJAAN
AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2021

BIL	JENIS TERIMAAN	AMAUN (RM Juta)	JENIS PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)
	Baki Awal	18.86		
1.	Penyaluran Kementerian Kewangan Malaysia bagi PEMERKASA	20.00	Penyaluran Peruntukan kepada PDT dan PBT bagi PICK	15.54
2.	Penyaluran Peruntukan daripada MOSTI bagi PICK	21.72	Bayaran Projek Berskala Kecil bagi Program PEMERKASA	9.93
3.	Pulangan Balik Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri	6.38	Bayaran Projek di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri Tahun 2019	1.34
4.	Pulangan Balik Peruntukan daripada PDT dan PBT bagi PICK	3.06	Bayaran Projek Berskala Kecil bagi PRE	0.27
			Baki Akhir	42.94
	JUMLAH	70.02		70.02

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Peruntukan Khas Kerajaan Negeri Tahun 2021

8.2.4. Akaun Amanah Tabung Bencana dan Bantuan Sosial

- a. Akaun Amanah Tabung Bencana dan Bantuan Sosial Negeri Perak telah ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan negeri, Badan Berkanun Persekutuan, BBN, syarikat

swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu perseorangan bagi membiayai perbelanjaan seperti:

- usaha mencari dan menyelamatkan;
- bantuan wang ehsan kepada mangsa bencana alam di bawah kawalan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri;
- perbelanjaan berkaitan bencana Monsun Timur Laut seperti ketetapan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); dan
- perbelanjaan sosial berbentuk pemberian sumbangan atau kerja yang diluluskan oleh Pegawai Daerah.

- b. Sehingga 31 Disember 2021, baki akaun amanah ini berjumlah RM3.02 juta. Terimaan dan perbelanjaan pada tahun 2021 masing-masing berjumlah RM7.81 juta dan RM13.21 juta. Ringkasan pecahan terimaan dan perbelanjaan akaun amanah ini adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
PECAHAN TERIMAAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2021

BIL	JENIS TERIMAAN	AMAUN (RM Juta)	(%)	JENIS PERBELANJAAN	AMAUN (RM Juta)	(%)
1.	Peruntukan Tabung Bencana	0.60	7.7	Perbelanjaan Covid-19	11.16	84.5
2.	Sumbangan Covid-19	5.07	64.9	Perbelanjaan Monsun Timur Laut	1.13	8.5
3.	Monsun Timur Laut	1.66	21.2	Perbelanjaan Tabung Bencana	0.79	6.0
4.	Peruntukan Pusat Penempatan Gelandangan	0.13	1.7	Perbelanjaan Pusat Penempatan Gelandangan	0.13	1.0
5.	Pulangan balik peruntukan	0.35	4.5			
JUMLAH		7.81	100.0		13.21	100.0

Sumber: Ringkasan Sumbangan dan Perbelanjaan Akaun Amanah Tabung Bencana dan Bantuan Sosial Tahun 2021

- c. Pada tahun 2021, akaun amanah ini telah menerima sumbangan sejumlah RM5.07 juta atau 64.9 % bagi membantu Kerajaan negeri menangani krisis Covid-19. Sumbangan diterima daripada pelbagai pihak iaitu NADMA sejumlah RM4.23 juta dan BBN, syarikat swasta serta orang awam sejumlah RM0.08 juta. Baki sejumlah RM0.76 juta adalah terimaan daripada potongan elaun penjawat awam bagi tujuan sama.
- d. Daripada terimaan tersebut, sejumlah RM11.16 juta atau 84.5% telah dibelanjakan bagi tujuan menangani krisis Covid-19. Antara perbelanjaan bagi tujuan tersebut adalah seperti penyaluran peruntukan bagi perbelanjaan di pusat

kuarantin; penginapan dan makan minum petugas barisan hadapan serta bayaran pengangkutan ke pusat kuarantin.

8.2.5. Penyelarasan Akaun Amanah Melibatkan Badan Berkanun Negeri

- a. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah merekodkan akaun-akaun amanah yang berada di bawah kawalan Badan Berkanun Negeri (BBN) iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Perbadanan Taman Negeri Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak. Baki tujuh akaun amanah yang berada di bawah seliaan BBN sehingga 31 Disember 2021 adalah sejumlah RM97.22 juta berbanding RM80.94 juta pada tahun 2020.
- b. Semakan Audit mendapati empat akaun amanah berjumlah RM94.46 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM17.58 juta pada tahun 2021 berbanding RM76.88 juta pada tahun 2020. Manakala baki tiga akaun Amanah berjumlah RM2.77 juta menunjukkan penurunan sebanyak RM1.30 juta pada tahun 2021 berbanding RM4.06 juta pada tahun 2020. Butiran terperinci baki akaun amanah BBN adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
BAKI AKAUN AMANAH BADAN BERKANUN NEGERI
BAGI TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	AKAUN AMANAH AWAM	KOD AKAUN AMANAH	2021 (RM)	2020 (RM)	PERUBAHAN	
						RM	(%)
1.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak	Akaun Amanah Hartanah Bumiputera	60052	71,933,397	55,394,212	16,539,185	29.9
		Akaun Amanah Program Perumahan Negeri Perak	60030	21,750,512	20,828,343	922,169	4.4
		Akaun Amanah Program Perumahan Pulau Pangkor	60026	434,861	878,869	(444,008)	(50.5)
2.	Perbadanan Taman Negeri	Kump. Wang Amanah Taman Negeri Perak	60006	1,270,189	1,636,647	(366,458)	(22.4)
		Kump. Wang Amanah Sumbangan Yayasan Sime Darby	60053	144,212	41,269	102,943	249.4
		Kump. Wang Amanah Program Royal Belum State Park To UNESCO World Heritage Site	60075	1,060,889	1,549,039	(488,150)	(31.5)
3.	Lembaga Muzium Negeri Perak	Akaun Amanah Kompleks Sejarah Pasir Salak	60010	627,722	611,532	16,190	2.6
JUMLAH				97,221,782	80,939,911	16,281,871	20.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Berdasarkan maklum balas PKN terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020, pihak PKN memaklumkan seperti berikut:

- i. Akaun Amanah yang melibatkan BBN masih direkodkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri kerana BBN tersebut merupakan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) kepada Kerajaan negeri dan masih bertanggungjawab dalam menguruskan akaun-akaun amanah tersebut bagi pihak Kerajaan negeri.
- ii. Akaun Amanah ini dikekalkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri kerana terdapat kepentingan dan obligasi bersama antara Kerajaan negeri dan BBN berkenaan. Antara sebab lain adalah perbelanjaan penyelenggaraan, pembersihan dan utiliti projek-projek melalui Akaun Amanah masih lagi menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan negeri dan persekutuan. Selain itu, terdapat tanah Taman Negeri, Geopark dan tanah tapak Kompleks Sejarah Pasir Salak yang dimiliki oleh Kerajaan negeri dan tidak dipindah milik kepada BBN.
- iii. Pihak PKN akan meneliti semula status Akaun Amanah BBN yang masih direkodkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Kerajaan negeri akan memindahkan semua Akaun Amanah kepada BBN setelah semua tindakan diselesaikan sehingga BBN mampu untuk menyelaraskan, menampung serta menanggung semua liabiliti sendiri.

8.2.6. Pada tahun 2021, sebanyak empat akaun amanah awam telah ditutup. Baki sejumlah RM10.20 juta telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
AKAUN AMANAH AWAM YANG DITUTUP PADA TAHUN 2021

BIL.	AKAUN AMANAH AWAM	BAKI AKAUN AMANAH (RM Juta)
1.	Akaun Amanah SUKMA XIX 2018	9.39
2.	Akaun Amanah Infrastruktur Pembangunan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Projek Landasan Berkembar Elektrik	0.79
3.	Akaun Amanah Pengurusan Masjid Toh Puan Besar Hatijah, Batu Gajah	0.02
4.	Akaun Amanah Bayaran Royalti Daripada Perak Intergrated Network Services Sdn. Bhd. (PINS)	0.00
JUMLAH		10.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

8.2.7. Satu akaun amanah baharu telah diwujudkan iaitu Akaun Amanah Program dan Projek Khas Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak Darul Ridzuan (PSUK) pada 9 Jun 2021. Akaun amanah ini ditubuhkan untuk memperakaunkan semua terimaan/sumbangan daripada pelbagai sumber kewangan serta memperakaunkan perbelanjaan yang berkaitan dengan penganjuran program.

Program yang dianjurkan adalah bagi menangani penularan wabak atau pandemik serta lain-lain bencana luar jangka di negeri Perak yang tidak dilaksanakan oleh mana-mana PDT.

8.2.8. Sebelum penubuhan akaun amanah tersebut, perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan, pengurusan dan pengoperasian di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), Stesen Kuarantin dan Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) di Negeri Perak pada tahun 2020 telah diuruskan oleh Kelab Rekreasi dan Kebajikan Kakitangan BKP, SUK. Arahan pembayaran dibuat melalui Akaun Amanah Tabung Bencana Negeri Perak sejumlah RM0.61 juta kepada kelab tersebut mulai Mac hingga November 2020. Sehingga 31 Disember 2021, tiada terimaan dan perbelanjaan bagi Akaun Amanah Program dan Projek Khas, PSUK.

8.3. Akaun Deposit

8.3.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 79 akaun deposit berjumlah RM172.08 juta yang diselenggarakan oleh 34 Jabatan.

8.3.2. Pada tahun 2021, sebanyak 12 akaun deposit telah diwartakan dan sejumlah RM1.56 juta baki deposit telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Baki deposit pada tahun 2021 sejumlah 172.08 juta berbanding sejumlah RM145.90 juta pada tahun 2020, iaitu peningkatan sejumlah RM26.18 juta atau 17.9%. Baki deposit pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
BAKI DEPOSIT PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	118.85	110.43	8.42	7.6
2.	Deposit Khusus	50.21	32.22	17.99	55.8
3.	Deposit Pelarasan	1.15	1.36	(0.21)	(15.4)
4.	Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	1.87	1.89	(0.02)	(1.1)
JUMLAH		172.08	145.90	26.18	17.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.3.3. Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah sejumlah wang yang dipegang oleh kerajaan bagi memastikan kontraktor memenuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani. Deposit WJP merupakan salah satu penyumbang

tertinggi bagi Deposit Am pada tahun 2021. Analisis Audit mendapati baki deposit WJP pada tahun 2021 sejumlah RM19.86 juta menurun sebanyak RM1.08 juta atau 5.2% berbanding sejumlah RM20.94 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan projek-projek telah disiapkan mengikut masa yang ditetapkan dan pemulangan deposit telah dibuat pada tahun 2021. Baki deposit WJP pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak	6.04	7.66	(1.62)	(21.1)
2.	Lembaga Perumahan Hartanah Perak	3.73	3.65	0.08	2.2
3.	Pejabat Kewangan Negeri (MARRIS)	3.68	1.39	2.29	164.7
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perak	2.24	3.21	(0.97)	(30.2)
5.	Jabatan Kerja Raya Kuala Kangsar	1.42	1.41	0.01	0.7
6.	Pelbagai Jabatan (22)	2.75	3.62	(0.87)	24.0
JUMLAH		19.86	20.94	(1.08)	(5.2)

Sumber: Senarai Baki Pendeposit Tahun 2021 dan 2020

8.3.4. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Arahan Perbendaharaan 118(b) menjelaskan jika sesuatu cek atau pindahan dana elektronik itu dibatalkan dan bayaran ganti akan dikeluarkan, maka bayaran tersebut hendaklah didebitkan ke Akaun Tunai dan dikreditkan ke Akaun Deposit Pelarasan. Arahan Perbendaharaan 118(c) menyatakan mana-mana cek yang terbatal yang tidak dituntut selepas enam tahun dari tarikh cek hendaklah dikreditkan kepada Akaun Hasil.

8.3.5. Pada tahun 2021, deposit Pelarasan Cek Terbatal sejumlah RM79,542 dan deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal sejumlah RM49,848 telah dikreditkan ke Akaun Hasil. Baki Deposit Pelarasan pada akhir tahun 2021 adalah sejumlah RM1.15 juta melibatkan deposit Pelarasan Cek Terbatal sejumlah RM0.20 juta dan deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal sejumlah RM0.95 juta. Maklumat mengenai Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
BAKI DEPOSIT PELARASAN PADA TAHUN 2021

BIL.	KOD DEPOSIT	BUTIRAN	TEMPOH (Tahun)	BAKI (RM Juta)
1.	70301	Deposit Pelarasan Cek Terbatal	1 hingga 6	0.20
2.	70302	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	1 hingga 6	0.95
JUMLAH				1.15

Sumber: Senarai Baki Pendeposit Tahun 2021

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti pula menunjukkan Hutang Awam Kerajaan negeri.

9.1. Penyata Akaun Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai sebanyak 28 Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM185.05 juta terdiri daripada 14 pinjaman kepada sembilan PBT, satu pinjaman kepada BBN, tiga pinjaman pelbagai dan 10 pinjaman Projek Bekalan Air kepada Lembaga Air Perak (LAP).

9.1.2. Analisis Audit mendapati baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berjumlah RM185.05 juta, menurun sebanyak RM7.89 juta atau 4.1% berbanding RM192.94 juta pada tahun 2020. Kedudukan pinjaman boleh dituntut pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pinjaman Kepada PBT	43.23	47.47	(4.24)	(8.9)
2.	Pinjaman Kepada BBN	11.28	14.19	(2.91)	(20.5)
3.	Pinjaman Pelbagai	31.68	33.97	(2.29)	(6.7)
4.	Pinjaman Kepada LAP	98.86	97.31	1.55	1.6
JUMLAH		185.05	192.94	(7.89)	(4.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.1.3. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 bagi PBT adalah berjumlah RM43.23 juta menurun sebanyak RM4.24 juta berbanding RM47.47 juta pada tahun 2020. Perubahan ini disebabkan bayaran balik pinjaman oleh PBT berjumlah RM4.90 juta termasuk amaun tunggakan tahun 2020 bagi Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) sejumlah RM0.20 juta.

9.1.4. Bagi pinjaman kepada BBN dan Pelbagai, Kerajaan negeri menerima bayaran balik pinjaman sejumlah RM5.20 juta terdiri daripada Yayasan Perak sejumlah RM2.91 juta, MAIPK sejumlah RM1.72 juta dan Universiti Sultan Azlan Shah sejumlah RM0.57 juta.

9.1.5. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik secara ansuran sejumlah RM2.79 juta bagi lima pinjaman Projek Bekalan Air yang terlebih bayar kepada LAP berjumlah RM19.56 juta. Sejumlah RM1.55 juta daripada jumlah bayaran balik tersebut merupakan bayaran balik bagi tiga projek yang masih aktif. Manakala baki sejumlah RM1.25 juta adalah bayaran balik bagi dua projek yang telah dihapus kira oleh Kerajaan Persekutuan. Ini menjadikan keseluruhan penyelesaian pinjaman (prinsipal) bagi tahun 2021 berjumlah RM10.11 juta. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	BAKI PINJAMAN PADA 01.01.2021 (RM Juta)	PELARASAN SEMULA BAKI (BAYARAN BALIK PINJAMAN TERLEBIH BAYAR) (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BAHARU (RM Juta)	PENYELESAIAN PINJAMAN (PRINSIPAL) (RM Juta)	BAKI PINJAMAN PADA 31.12.2021 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	36.51	0.00	0.00	1.90	34.61
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	3.89	0.00	0.00	0.23	3.66
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	0.39	0.00	0.67	0.39	0.67
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	0.81	0.00	0.00	0.40	0.41
5.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0.82	0.00	0.00	0.00	0.82
6.	Majlis Perbandaran Taiping	0.75	0.00	0.00	0.24	0.51
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.54	0.00	0.00	0.07	0.47
8.	Majlis Perbandaran Manjung	3.00	0.00	0.00	0.92	2.08
9.	Majlis Daerah Gerik	0.76	0.00	0.00	0.76	0.00
JUMLAH		47.47	0.00	0.67	4.91	43.23
PINJAMAN KEPADA BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Yayasan Perak	14.19	0.00	0.00	2.91	11.28
JUMLAH		14.19	0.00	0.00	2.91	11.28
PINJAMAN PELBAGAI						
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	13.97	0.00	0.00	1.72	12.25
2.	Universiti Sultan Azlan Shah	20.00	0.00	0.00	0.57	19.43
JUMLAH		33.97	0.00	0.00	2.29	31.68
PINJAMAN KEPADA LEMBAGA AIR PERAK						
1.	Lembaga Air Perak	97.31	1.55	0.00	0.00	98.86
JUMLAH		97.31	1.55	0.00	0.00	98.86
JUMLAH KESELURUHAN		192.94	1.55	0.67	10.11	185.05

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

9.1.6. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah menyalurkan pinjaman baharu bagi membiayai pembelian kenderaan sejumlah RM0.67 juta kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan. Bayaran balik bagi pinjaman tersebut akan bermula pada tahun 2022. Butiran mengenai penyaluran pinjaman adalah seperti dalam **Jadual 48**.

JADUAL 48
PENYALURAN PINJAMAN PADA TAHUN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TUJUAN PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	Pinjaman Untuk Membiayai Pembelian Kenderaan Untuk Majlis Perbandaran Teluk Intan	0.67
JUMLAH			0.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

9.1.7. Sejumlah RM10.11 juta bayaran balik pinjaman (prinsipal) adalah terdiri daripada bayaran anuiti akhir pinjaman Majlis Perbandaran Teluk Intan sejumlah RM0.39 juta. Pada tahun 2021 juga, penyaluran pinjaman kepada Majlis Daerah Gerik untuk membiayai pembelian kenderaan berjumlah RM0.76 juta telah dipulangkan semula oleh agensi. Kedudukan penyelesaian pinjaman pada tahun 2021 adalah seperti **Jadual 49**.

JADUAL 49
PENYELESAIAN PINJAMAN PADA TAHUN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TUJUAN PINJAMAN	JUMLAH PENYELESAIAN PINJAMAN (RM Juta)
PENYELESAIAN ANUITI AKHIR			
1.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	Pinjaman Tambahan Membiayai Projek Membina Bangunan Pejabat Baru Majlis Perbandaran Teluk Intan	0.39
JUMLAH			0.39
PULANGAN BALIK PINJAMAN			
2.	Majlis Daerah Gerik	Pinjaman Membiayai Pembelian Kenderaan Untuk Majlis Daerah Gerik	0.76
JUMLAH			0.76
JUMLAH KESELURUHAN			1.15

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

9.1.8. Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut (prinsipal dan faedah) daripada agensi negeri pada 1 Januari 2021 berjumlah RM18.98 juta. Tunggakan ini terdiri daripada Majlis Daerah Tanjong Malim sejumlah RM196,001, MAIPk sejumlah RM333,980 dan LAP sejumlah RM18.45 juta.

- b. Mengikut Jadual Bayaran Balik Pinjaman dan Jadual Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman sehingga 31 Disember 2021, anuiti tahun 2021 yang sepatutnya dibayar adalah sejumlah RM16.14 juta. Ini menjadikan bayaran balik pinjaman yang perlu dijelaskan oleh agensi negeri pada tahun 2021 berjumlah RM35.12 juta. Namun, Kerajaan negeri hanya menerima bayaran balik pinjaman daripada agensi negeri sebanyak RM10.37 juta. Bayaran balik yang diterima oleh Kerajaan negeri adalah terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman tahun sebelumnya oleh Majlis Daerah Tanjong Malim berjumlah RM196,001, MAIPk sejumlah RM333,980 dan anuiti tahun 2021 bagi agensi negeri berjumlah RM9.84 juta.
- c. Pada 31 Disember 2021, dua agensi negeri masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM24.75 juta iaitu Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) sejumlah RM147,330 dan LAP sejumlah RM24.60 juta.
- d. Perkara ini disebabkan pihak MPKK tidak membuat bayaran anuiti bagi pinjaman bernombor MPKK800002 berjumlah RM147,330. Tiada bayaran balik anuiti tahun 2018 hingga tahun 2021 bagi 10 Projek Bekalan Air oleh LAP yang berjumlah RM24.60 juta. Ini adalah berdasarkan keputusan Kerajaan negeri melalui Mesyuarat Berhubung Royalti Air kepada Kerajaan Negeri Perak dan Isu-isu Berkaitan pada 19 November 2018. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

JADUAL 50
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2021 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12.2021 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	0.00	2.57	2.57	2.57	0.00
2.	Majlis Daerah Perak Tengah	0.00	0.39	0.39	0.39	0.00
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	0.00	0.40	0.40	0.40	0.00
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	0.20	0.21	0.41	0.41	0.00
5.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0.00	0.15	0.15	0.00	0.15
6.	Majlis Perbandaran Taiping	0.00	0.27	0.27	0.27	0.00
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.00	0.09	0.09	0.09	0.00
8.	Majlis Perbandaran Manjung	0.00	0.98	0.98	0.98	0.00
JUMLAH		0.20	5.06	5.26	5.11	0.15
PINJAMAN KEPADA BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Yayasan Perak	0.00	3.00	3.00	3.00	0.00
JUMLAH		0.00	3.00	3.00	3.00	0.00
PINJAMAN PELBAGAI						
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	0.33	1.93	2.26	2.26	0.00
JUMLAH		0.33	1.93	2.26	2.26	0.00

BIL.	AGENCI NEGERI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2021 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12.2021 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA LEMBAGA AIR PERAK						
1.	Lembaga Air Perak	18.45	6.15	24.60*	0.00	24.60
JUMLAH		18.45	6.15	24.60	0.00	24.60
JUMLAH KESELURUHAN		18.98	16.14	35.12	10.37	24.75

Sumber: Jadual Bayaran Balik Pinjaman Tahun 2021 dan Jadual Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Tahun 2021

Nota: (*) - Termasuk tunggakan pinjaman tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM18.45 juta

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri Perak yang Diterima pada 20 Mei 2022

Pentadbiran ini melalui MMK Bil. 2055 bertarikh 12 Januari 2022 telah memutuskan penjadualan semula bayaran pinjaman MPKK. Surat pemakluman kelulusan kepada MPKK telah dihantar pada 27 Mei 2022 setelah draf perjanjian dimuktamadkan.

Tunggakan bayaran balik pinjaman oleh LAP telah ditangguhkan pembayaran mulai tahun 2018 disebabkan terdapat lebih bayaran pinjaman oleh LAP kepada Kerajaan negeri berjumlah RM41.52 juta. Jumlah ini melibatkan projek bekalan air yang telah dipindahkan ke PAAB sejumlah RM221.95 juta dan projek bekalan air yang belum dipindahkan ke PAAB sejumlah RM19.57 juta yang masih dalam proses bayaran balik oleh Kerajaan negeri kepada LAP. Ini bertujuan untuk mengekalkan baki pinjaman antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri dan LAP sehingga pinjaman tersebut selesai dipindahkan secara berperingkat kepada PAAB.

- e. Analisis Audit mendapati sebanyak 11 daripada 28 pinjaman atau 39.3% mempunyai 11 ansuran tunggakan bayaran balik bagi tempoh satu hingga empat tahun. **Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM5.77 juta atau 30.4% menjadi RM24.75 juta berbanding RM18.98 juta pada tahun 2020.**
- f. Analisis perbandingan baki tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri bagi tempoh lima tahun menunjukkan penurunan baki tunggakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM19.78 juta pada tahun 2017 berbanding RM0.92 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun, baki tunggakan telah meningkat pada tahun 2019 dan 2020 kepada RM12.74 juta dan RM18.98 juta. Pada tahun 2021, berlaku peningkatan baki tunggakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM5.77 juta menjadikan tunggakan bayaran balik berjumlah RM24.75 juta. Baki tunggakan

bayaran balik pinjaman agensi negeri yang terendah bagi tempoh tersebut adalah pada tahun 2018. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik pinjaman agensi negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
PINJAMAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
1.	Majlis Daerah Tanjong Malim	0.62	0.62	0.44	0.20	0.00
2.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0.76	0.30	0.00	0.00	0.15
3.	Majlis Perbandaran Manjung	0.53	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		1.91	0.92	0.44	0.20	0.15
PINJAMAN KEPADA BADAN BERKANUN NEGERI						
1.	Yayasan Perak	17.87	0.00	0.00	0.00	0.00
2.	Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		17.87	0.00	0.00	0.00	0.00
PINJAMAN PELBAGAI						
3.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	0.00	0.00	0.00	0.33	0.00
JUMLAH		0.00	0.00	0.00	0.33	0.00
PINJAMAN KEPADA LEMBAGA AIR PERAK						
1.	Lembaga Air Perak	0.00	0.00	12.30	18.45	24.60
JUMLAH		0.00	0.00	12.30	18.45	24.60
JUMLAH KESELURUHAN		19.78	0.92	12.74	18.98	24.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2. Penyata Akaun Memorandum Aset – Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri dari Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Negeri terdiri daripada pelaburan melalui Pengurus Dana Pelaburan dan pegangan Saham Syarikat. Pada tahun 2021, sejumlah RM75 juta dilaburkan melalui Pengurus Dana Pelaburan. Kerajaan negeri juga memiliki saham dalam tiga syarikat berjumlah RM1.69 juta dan membuat pelaburan simpanan tetap bersama dua institusi kewangan berjumlah RM15.30 juta.

9.2.2. Pada akhir tahun 2021, **kedudukan pelaburan Kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.20 juta atau 0.2% kepada RM91.99 juta berbanding RM91.79 juta pada tahun 2020**. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penambahan pelaburan simpanan tetap bersama Bank Islam sebanyak RM4.30 juta pada tahun 2021. Pelaburan di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia sejumlah RM9 juta telah dikeluarkan dan dilaburkan di Amanah Raya Berhad.

Pada tahun 2021 juga, penurunan pelaburan bagi saham Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) sebanyak RM9.10 juta. Ini disebabkan tawaran pengambilalihan mandatori tanpa syarat saham FGV oleh Federal Land Development Authority (FELDA) melalui Maybank Investment Bank bagi tujuan nyahsenarai dari Bursa Malaysia. Nilai tawaran pengambilan semua saham yang diterima berjumlah RM2.60 juta bagi 2 juta unit saham adalah sebanyak RM1.30 seunit. Peningkatan pelaburan pengurus dana pula adalah disebabkan oleh penambahan pelaburan dalam Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd. (AIIMAN) sebanyak RM5 juta. Kedudukan baki pelaburan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

JADUAL 52
BAKI PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PENGURUS DANA PELABURAN					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	30.00	25.00	5.00	20.0
2.	Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	0.0
3.	RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	0.0
4.	CIMB - Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	15.00	15.00	0.00	0.0
JUMLAH		75.00	70.00	5.00	7.1
SAHAM SYARIKAT					
1.	Gas Malaysia Berhad	0.44	0.44	0.00	0.0
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	0.00	9.10	(9.10)	(100.0)
3.	Telekom Malaysia Berhad	0.28	0.28	0.00	0.0
4.	Axiata Group Berhad	0.97	0.97	0.00	0.0
JUMLAH		1.69	10.79	(9.10)	(84.3)
SIMPANAN TETAP					
1.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	0.00	9.00	(9.00)	(100.0)
2.	Bank Islam Malaysia Berhad	4.30	0.00	4.30	100.0
3.	Amanah Raya Berhad	11.00	2.00	9.00	450.0
JUMLAH		15.30	11.00	4.30	39.1
JUMLAH KESELURUHAN		91.99	91.79	0.20	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.2.3. Sehingga akhir tahun 2021, keuntungan pelaburan yang diterima daripada pengurus dana sejumlah RM3.90 juta menurun sebanyak RM0.20 juta atau 4.9% berbanding RM4.10 juta pada tahun 2020. Pulangan pelaburan saham adalah sejumlah RM0.06 juta menurun sebanyak RM0.03 juta atau 33.3% berbanding sejumlah RM0.09 juta pada tahun 2020. Pulangan pelaburan simpanan tetap pula sejumlah RM0.31 juta, iaitu meningkat sebanyak RM0.16 juta atau 106.7% berbanding RM0.15 juta pada tahun 2020. Analisis perbandingan pulangan pelaburan saham pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 53**.

JADUAL 53
PULANGAN PELABURAN SAHAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PENGURUS DANA PELABURAN					
1.	Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	1.80	2.00	(0.20)	(10.0)
2.	Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	0.60	0.70	(0.10)	(14.3)
3.	RHB Islamic International Asset Management Sdn. Bhd.	0.70	0.60	0.10	16.7
4.	CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	0.80	0.80	0.00	0.0
JUMLAH		3.90	4.10	(0.20)	(4.9)
SAHAM SYARIKAT					
1.	Gas Malaysia Berhad	0.03	0.03	0.00	0.0
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	0.00	0.04	(0.04)	(100.0)
3.	Telekom Malaysia Berhad	0.01	0.01	0.00	0.0
4.	Axiata Group Berhad	0.02	0.01	0.01	100.0
JUMLAH		0.06	0.09	(0.03)	(33.3)
SIMPANAN TETAP					
1.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	0.10	0.15	(0.05)	(33.3)
2.	Amanah Raya Berhad	0.21	0.00	0.21	100.0
JUMLAH		0.31	0.15	0.16	106.7
JUMLAH KESELURUHAN		4.27	4.34	(0.07)	(1.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


9.2.4. Analisis perbandingan pulangan pelaburan bagi tempoh lima tahun menunjukkan kadar keuntungan pelaburan/dividen yang diperoleh adalah antara 3.4% hingga 4.7%. Dividen tertinggi yang diterima oleh Kerajaan negeri bagi tempoh tersebut adalah pada tahun 2020, iaitu sejumlah RM4.34 juta. Kedudukan pulangan pelaburan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 54** dan **Carta 5**.

JADUAL 54
KEDUDUKAN PULANGAN PELABURAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2021

TAHUN	PELABURAN				KEUNTUNGAN PELABURAN/DIVIDEN	
	PENGURUS DANA (RM Juta)	SAHAM SYARIKAT (RM Juta)	SIMPANAN TETAP (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2017	70.00	11.92	0.00	81.92	2.81	3.4
2018	70.00	10.45	0.00	80.45	3.65	4.5
2019	70.00	10.79	0.00	80.79	3.64	4.5
2020	70.00	10.79	11.00	91.79	4.34	4.7
2021	75.00	1.69	15.30	91.99	4.27	4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 5
KEDUDUKAN PULANGAN PELABURAN
BERBANDING PELABURAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2.5. Analisis perbandingan nilai kos dan nilai pasaran pelaburan saham menunjukkan satu daripada tiga pelaburan saham mencatatkan rosot nilai iaitu 13.4% pada tahun 2021. Bagaimanapun, Kerajaan negeri masih menerima dividen daripada pelaburan tersebut pada tahun 2021. Kerajaan negeri mengambil tindakan untuk mengekalkan pegangan saham selagi menerima pulangan daripada pegangan saham tersebut. Kedudukan nilai kos dan nilai pasaran pelaburan saham syarikat pada 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
KEDUDUKAN NILAI KOS DAN NILAI PASARAN
PELABURAN SAHAM SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2021

BIL.	BUTIRAN	UNIT SAHAM	NILAI KOS (RM Juta)	NILAI PASARAN (RM Juta)	ROSOT NILAI	
					(RM Juta)	(%)
1.	Gas Malaysia Berhad	200,000	0.44	0.53	0.09	20.5
2.	Telekom Malaysia Berhad	50,000	0.28	0.28	0.00	(0.0)
3.	Axiata Group Berhad	200,831	0.97	0.84	(0.13)	(13.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

9.3. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

9.3.1. Mulai tahun 2016, Kerajaan Negeri Perak tidak menerima pinjaman baharu daripada Kerajaan Persekutuan. Pada 31 Disember 2021, **baki hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM5.20 juta (3.0%), iaitu RM170.15 juta berbanding RM175.35 juta pada tahun 2020**. Penurunan ini disebabkan bayaran balik pinjaman yang dibuat kepada Kerajaan Persekutuan bagi tiga Projek Bekalan Air berjumlah RM3.10 juta dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sejumlah RM2.10 juta. Kedudukan Hutang

Awam Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 56**.

JADUAL 56
KEDUDUKAN HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	BAKI PINJAMAN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Perumahan Awam	29.36	31.46	(2.10)	(6.7)
2.	Projek Bekalan Air	140.79	143.89	(3.10)	(2.1)
JUMLAH		170.15	175.35	(5.20)	(3.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.3.2. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

- a. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri sepatutnya membayar ansuran bagi 15 pinjaman berjumlah RM38.94 juta. Ansuran tersebut terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM10.43 juta dan tunggakan tahun sebelumnya berjumlah RM28.51 juta. Bagaimanapun, Kerajaan negeri hanya membuat bayaran balik ansuran pinjaman berjumlah RM5.20 juta atau 13.4% berbanding RM38.94 juta yang sepatutnya dijelaskan pada tahun 2021. Ini menyebabkan tunggakan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM33.74 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	TUNGGAKAN PADA 01.01.2021 (RM Juta)	ANUITI 2021 (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2021 (RM Juta)	TUNGGAKAN PADA 31.12.2021 (RM Juta)
1.	Rancangan Perumahan Awam	0.00	2.10	2.10	2.10	0.00
2.	Projek Bekalan Air	28.51	8.33	36.84	3.10	33.74
JUMLAH		28.51	10.43	38.94	5.20	33.74

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- b. Analisis Audit mendapati sebanyak 11 atau 73.3% daripada 15 pinjaman mempunyai 49 ansuran tunggakan bayaran balik bagi tempoh satu hingga 11 tahun. Tunggakan ini merupakan tunggakan bayaran balik bagi Projek Bekalan Air yang masih dalam proses penstrukturan semula hutang untuk dipindahkan secara berperingkat kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

- c. Tunggakan bayaran balik hutang awam pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM5.23 juta atau 18.3% menjadi RM33.74 juta berbanding RM28.51 juta pada akhir tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan jumlah tunggakan tahun 2020 dan anuiti tahun 2021 yang perlu dibayar oleh Kerajaan negeri berjumlah RM38.94 juta adalah lebih tinggi daripada bayaran balik pada tahun 2021 kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM5.20 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 58**.

JADUAL 58
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM
PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
		BIL.	TUNGGAKAN		31.12.2021 (RM Juta)	31.12.2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		ANSURAN BIL.	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	(%)			(RM Juta)	(%)		
1.	Rancangan Perumahan Awam	1	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0	0
2.	Projek Bekalan Air	14	11	78.6	33.74	28.51	5.23	18.3	49	1-11
JUMLAH		15	11	73.3	33.74	28.51	5.23	18.3	49	1-11

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.4 Pelbagai Liabiliti

9.4.1. Lebihan Bayaran Balik Pinjaman Lembaga Air Perak (LAP) Kepada Kerajaan Negeri Perak yang Telah Dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad

- a. Mesyuarat Tunggakan Akaun dan Status Pindahan Baki Pinjaman Kepada PAAB telah diadakan pada 7 Mei 2019 bersama pihak LAP. **Mesyuarat mengesahkan bahawa RM21.95 juta adalah lebihan bayaran daripada LAP dan Kerajaan negeri bersetuju untuk melaksanakan pembayaran secara berperingkat bagi menyelesaikan lebihan bayaran tersebut.** Mekanisma bayaran terperinci akan dibincangkan dan ditentukan berpandukan peruntukan kewangan.
- b. Semakan Audit mendapati **Kerajaan negeri telah membuat bayaran sejumlah RM0.95 juta kepada LAP bertarikh 17 Oktober 2019 dan RM50,000 bertarikh 7 Februari 2020** sebagai sebahagian bayaran pinjaman yang terlebih bayar oleh LAP kepada Kerajaan negeri. Manakala baki lebihan bayaran berjumlah RM20.95 juta akan dibayar secara berperingkat kepada LAP selama 10 tahun bermula dari tahun 2021 seperti yang diluluskan dalam MMK

Bilangan Khas 1 Tahun 2020 bertarikh 14 Disember 2020. Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman terlebih bayar oleh LAP pada 10 Februari 2021 berjumlah RM2.09 juta.

9.4.2. Baki Pinjaman Bagi Projek Bekalan Air yang Belum Dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad

- a. Mesyuarat Teknikal Berhubung Bayaran Pendahuluan Royalti Air Kepada Kerajaan Negeri dan Proses Pemindahan Keseluruhan Pinjaman kepada PAAB pada 8 Januari 2019 menyatakan **baki lebihan bayaran LAP kepada Kerajaan negeri yang belum dijelaskan oleh Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM25.46 juta melibatkan lima Projek Bekalan Air.**
- b. Mesyuarat tersebut juga bersetuju untuk **membuat bayaran balik pinjaman sejumlah RM5.90 juta. Baki RM19.56 juta akan dibayar secara berperingkat selama tujuh tahun, mulai dari tahun 2020 hingga 2026 dengan bayaran RM2.79 juta setahun kepada LAP.** Semakan Audit mendapati bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan negeri kepada LAP telah dibuat pada 30 Januari 2019 berjumlah RM5.90 juta. Bayaran secara berperingkat selama tujuh tahun sejumlah RM19.56 juta kepada LAP juga telah dibuat pada 7 Februari 2020 dan 10 Februari 2021 masing-masing berjumlah RM2.79 juta dan RM2.79 juta.

9.4.3. Pendahuluan Royalti Air Mentah daripada Lembaga Air Perak Sebelum Tahun 2018

- a. Mulai tahun 2008, LAP telah mengakaunkan lebihan pembayaran Royalti Air Mentah kepada Kerajaan negeri di bawah Pendahuluan Royalti Air. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah terkumpul pendahuluan Royalti Air Mentah kepada Kerajaan negeri berjumlah RM342.22 juta dan jumlah ini merupakan tanggungan bagi Kerajaan negeri.
- b. Berdasarkan keputusan MMK pada 8 Mei 2019, jumlah terkumpul pendahuluan Royalti Air Mentah ini akan diselesaikan dengan menaikkan kadar royalti air daripada RM0.04 per m³ kepada RM0.06 per m³ pengambilan air. Daripada kadar ini, RM0.05 setiap m³ akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Perak dan RM0.01 setiap m³ akan digunakan untuk menjelaskan pendahuluan royalti air terkumpul. Bagaimanapun, **jumlah tanggungan bagi pendahuluan royalti air**

terkumpul sejumlah RM342.22 juta ini tidak dinyatakan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak.

- c. Semakan Audit terhadap Lejar Am Pendahuluan Royalti Air LAP mendapati jumlah sebenar kontra royalti air dengan prabayar royalti air mentah bagi bulan Januari hingga Disember 2021 adalah RM5.06 juta. Ini menjadikan baki pendahuluan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM332.11 juta.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. AKAUN BELUM TERIMA

10.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya dihantar ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6 turut menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima, iaitu tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Garis Panduan dan Peraturan Penutupan Akaun Bagi Tahun Kewangan 2021 melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2021 telah menetapkan kewajipan Ketua Jabatan/PTJ untuk mengemukakan Penyata Akaun Belum Terima 2 (ABT-2) kepada Pejabat Kewangan Negeri pada 6 Januari 2022. Analisis Audit mendapati tunggakan hasil negeri Perak telah meningkat pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM12.65 juta atau 9.9% menjadi RM140.20 juta berbanding RM127.55 juta pada tahun 2020. Akaun Belum Terima pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 59**.

JADUAL 59
AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	98.00	112.55	(14.55)	(12.9)
2.	Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam dan Program Perumahan Rakyat	5.54	4.96	0.58	11.8
3.	Lain-lain Hasil	36.66	10.04	26.62	265.1
JUMLAH		140.20	127.55	12.65	9.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

10.1.2. Analisis Audit turut mendapati Cukai Tanah mencatatkan tunggakan hasil tertinggi, iaitu sejumlah RM98 juta atau 69.9% daripada keseluruhan baki Akaun Belum Terima pada tahun 2021 berjumlah RM140.20 juta. Tunggakan cukai tanah menurun sebanyak RM14.55 juta atau 12.9% pada tahun 2021 berbanding RM112.55 juta pada tahun 2020. Analisis seterusnya mengenai tunggakan Cukai Tanah mendapati perkara seperti berikut:

- a. PDT Kinta Ipoh mencatatkan tunggakan cukai tanah tertinggi bagi tahun 2021 sejumlah RM44.69 juta. Tunggakan ini menurun sebanyak RM14.22 juta atau 24.1% berbanding RM58.91 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan hakmilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai telah dijelaskan oleh pemilik tanah selepas pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera Fasa 2 Tahun 2021. Selain itu, pengeluaran Notis 8A bagi hakmilik tertunggak sebanyak RM2.01 juta juga turut membawa kepada penurunan cukai tanah berulang pada tahun 2021.
- b. PDT Manjung mencatatkan tunggakan cukai tanah kedua tertinggi bagi tahun 2021. Tunggakan ini mengalami peningkatan sebanyak RM18,534 atau 0.2% kepada RM10.22 juta pada tahun 2021 berbanding RM10.20 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan pengurangan bayaran cukai oleh pemilik tanah walaupun insentif melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera 2021 telah ditawarkan. Pemilik tanah terutamanya syarikat memberi alasan tidak dapat beroperasi akibat pandemik Covid-19. Semakan Audit terhadap bil cukai tanah dan parit/tali air mendapati tunggakan cukai bagi syarikat bernombor pendaftaran 1040509 – H adalah sejumlah RM0.65 juta manakala tunggakan cukai bagi syarikat bernombor pendaftaran 228246 – W adalah sejumlah RM0.32 juta.
- c. PDT Kinta, Batu Gajah mencatatkan tunggakan cukai tanah ketiga tertinggi dengan penurunan sebanyak RM0.59 juta atau 6% kepada RM9.28 juta pada tahun 2021 berbanding RM9.87 juta pada tahun 2020. Penurunan tunggakan cukai tanah ini disebabkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Fasa 1 dan 2 iaitu pemberian insentif pengecualian denda lewat cukai tanah bagi tahun 2021 dan pemberian diskaun bagi bayaran tunggakan cukai tanah. Tunggakan cukai tanah tertinggi adalah melibatkan dua syarikat bernombor pendaftaran 122151 – T dan 725911 – T masing-masing berjumlah RM1.10 juta dan RM0.90 juta. **Pihak PDT Kinta, Batu Gajah masih tidak berjaya mengutip tunggakan cukai tanah daripada kedua-dua syarikat ini pada tahun 2021.**

- d. Kedudukan tunggakan cukai tanah bagi PDT pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 60**.

JADUAL 60
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	PDT Kinta, Ipoh	44.69	58.91	(14.22)	(24.1)
2.	PDT Manjung	10.22	10.20	0.02	0.2
3.	PDT Kinta, Batu Gajah	9.28	9.87	(0.59)	(6.0)
4.	PDT Taiping	6.87	6.09	0.78	12.8
5.	PDT Tapah	3.44	4.37	(0.93)	(21.3)
6.	PDT Kampar	5.00	3.98	1.02	25.6
7.	PDT Muallim	2.88	3.58	(0.70)	(19.6)
8.	PDT Seri Iskandar	2.57	2.35	0.22	9.4
9.	PDT Bagan Datuk	2.29	2.33	(0.04)	(1.7)
10.	PDT Kerian	2.01	2.32	(0.31)	(13.4)
11.	PDT Sungai Siput	2.08	2.22	(0.14)	(6.3)
12.	PDT Teluk Intan	1.95	1.87	0.08	4.3
13.	PDT Kuala Kangsar	1.38	1.40	(0.02)	(1.4)
14.	PDT Kampong Gajah	1.11	0.99	0.12	12.1
15.	PDT Selama	0.84	0.82	0.02	2.4
16.	PDT Pengkalan Hulu	0.55	0.29	0.26	89.7
17.	PDT Lenggong	0.52	0.49	0.03	6.1
18.	PDT Gerik	0.32	0.47	(0.15)	(31.9)
JUMLAH		98.00	112.55	(14.55)	12.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

10.1.3. Tunggakan lain-lain hasil meningkat sebanyak RM26.62 juta atau 265.1% pada tahun 2021 menjadi RM36.66 juta berbanding RM10.04 juta pada tahun 2020. Peningkatan tunggakan ini disebabkan oleh tiga syarikat janakuasa elektrik yang telah terkurang bayar sejumlah RM9.14 juta bagi tahun 2021, sejumlah RM9.28 juta bagi tahun 2020 dan RM9.49 juta bagi tahun 2019. Kurangan ini juga telah diambil kira dalam Akaun Belum Terima pada tahun 2021 oleh PDT Manjung. Keadaan ini menyebabkan PDT Manjung mencatatkan tunggakan lain-lain hasil tertinggi bagi tahun 2021 iaitu RM27.91 juta.

10.1.4. Selain itu, peningkatan tunggakan lain-lain hasil juga disebabkan oleh peningkatan ketara tunggakan lain-lain hasil di JKR Negeri Perak sebanyak RM7.98 juta atau 547,061.1% pada tahun 2021 berbanding RM1,459 pada tahun 2020. Ini disebabkan terdapat tuntutan bayaran pendahuluan kepada kontraktor yang telah dibayar kepada syarikat bernombor pendaftaran 168870 – H bagi Projek

Pembangunan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Tambun berjumlah RM7.98 juta.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada akhir tahun 2021 adalah kukuh berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2021 berjumlah RM1.332 bilion meningkat sebanyak RM72.17 juta atau 5.7% berbanding RM1.260 bilion pada tahun 2020;

11.2. kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM14.93 juta atau 1.5% berbanding tahun 2020 manakala pelaburan pada tahun 2021 masih kekal berbanding tahun 2020 iaitu RM916.37 juta;

11.3. prestasi Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 mengalami kurangan RM6.59 juta atau 1.2% berbanding pada tahun 2020;

11.4. baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak RM29.57 juta atau 60.9% menjadi defisit RM18.99 juta berbanding defisit RM48.56 juta pada tahun 2020;

11.5. perbelanjaan keseluruhan RPP berjumlah RM343.07 juta atau 96% daripada RM357.41 juta peruntukan yang diluluskan;

11.6. Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM7.89 juta atau 4.1% pada tahun 2021 menjadi RM185.05 juta berbanding RM192.94 juta pada tahun 2020;

11.7. Hutang Awam pada tahun 2021 menurun sebanyak RM5.20 juta atau 3% menjadi RM170.15 juta pada tahun 2021 berbanding RM175.35 juta pada tahun 2020; dan

11.8. Akaun Belum Terima pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM12.65 juta atau 9.9% kepada RM140.20 juta daripada RM127.55 juta pada tahun 2020.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang baik di samping perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Penguatkuasaan kutipan hasil jualan air bagi penggunaan air laut ke atas syarikat berkaitan dipertingkatkan bagi mengatasi kekurangan kutipan hasil Kerajaan negeri.